



buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com

PERCUMA



16 – 31 JANUARI, 2018



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

"Pulau Pinang bukan negeri susah untuk cari makan"

Teks & Gambar : ZAINULFAQAR YAACOB

MENJELANG pilihan raya umum, Pulau Pinang sekali lagi digambarkan sebagai negeri yang susah untuk penjaja-penjaja Melayu 'nak cari makan'.

Namun Pengurus Persatuan Peniaga-Peniaga Melayu Pasar Malam Negeri Pulau Pinang (PPMPN), ANUAR AWANG, 41, dalam reaksi spontan memberitahu bahawa ketika ini persatuannya kini dianggotai hampir 800 anggota.

"Kalau benarlah Melayu susah nak cari makan di Pulau Pinang, jumlah anggota persatuan patut berkurangan, tapi sekarang mencecah hampir 800 orang."

"Gambarannya di sini, Pulau Pinang bukan negeri yang susah untuk peniaga pasar malam nak cari makan, walaupun ada pelbagai cabaran lain."

"Kalau benarlah Pulau Pinang susah untuk bermula, saya sendiri akan tinggalkan Pulau Pinang, cari makan sebagai peniaga pasar malam juga di negeri-negeri lain," katanya dalam satu wawancara di Pasar Malam Permatang Damar Laut dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung baru-baru ini.

Bagi Anuar, **cogan kata "peniaga Melayu susah cari makan di Pulau Pinang"** merupakan isu yang sengaja dipolitisikan parti-parti politik tertentu untuk meraih sokongan rakyat termasuk daripada kalangan penjaja kecil serta peniaga pasar malam.

Tambahnya, rata-rata peniaga pasar malam bermula di tempat yang dibenarkan dan mereka ada lesen.

"Setiap pasar malam ada penganjurnya, iaitu JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti), macam PPMPN pun adalah penganjur bagi dua pasar malam, di belakang Hospital Besar Pulau Pinang (HPP) dan dekat tapak pesta."

"Tindakan ke atas peniaga tanpa lesen kerana ada aduan, kami selalu bermula dalam tapak pasar malam yang sah, ikut garis panduan PBT (pihak berkuasa tempatan).

"Di Pulau Pinang ada 84 tapak pasar malam yang dibenarkan buka oleh PBT."

"Takkan kami susah nak cari makan di Pulau Pinang kalau sampai tiap-tiap hari ada 11 pasar malam beroperasi di negeri ini," soal beliau dalam nada seloroh.

Walaupun begitu, Anuar, peniaga ayam goreng rangup menyatakan bahawa pihaknya begitu merasai kos berantai ekoran kenaan 6 peratus Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan sejak 1 April 2015.

"Cuma, kalau ada masalah pun adalah harga barang mentah naik, sejak ada pelbagai cukai."

"Kalau kami tak naik harga jualan, kami akan rugi, tapi kalau naik harga jualan, hasil (jualan kasar) akan berkurang kadang-kadang sampai separuh (50 peratus) berbanding



ANUAR Awang (kiri) dan Mat Jamil Saad ketika diwawancara Buletin Mutiara baru-baru ini.

dulu," ujarnya.

Dalam wawancara bersama, menurut **MAT JAMIL SAAD**, 51, Ahli Jawatankuasa Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Pulau Pinang (DPMMNPP), patut pasar malam yang sedia ada 'direka bentuk' sesuai dengan status Pulau Pinang sebagai 'negeri berkebajikan dan keusahawanan'.

"Saya juga kurang bersetu yang Melayu susah nak cari makan di Pulau Pinang."

"Kalau susah, 800 peniaga Melayu pasar malam tak dapat cari makan di Pulau Pinang."

"Sebab itulah, patut imej pasar malam di Pulau Pinang ini direka bentuk semula untuk menarik pelancong juga,

bukan orang kebanyakan sahaja."

"Kena ada seperti 'Mini Chatuchak' dekat Thailand, satu kawasan khas semacam pasar malam, disediakan parkir bas pelancong, diadakan gerai pameran barang pelancongan juga di sini, sekurang-kurangnya khemah 800 peniaga pasar malam biar seragam dan nampak imej 'Pulau Pinang sebagai negeri kebajikan dan keusahawanan'."

"Yang ini, mungkin DPMMNPP dan PPMPN kena saling berbincang lagi dengan pihak berkuasa, untuk reka bentuk semula imej pasar malam di Pulau Pinang," jelasnya, pengusaha industri sate.

(Bersambung di muka 14. Rujuk juga muka 3 dan 23).

Pelantikan Maimunah sebagai Pengarah Eksekutif UN-Habitat bukan calang-calang jawatan – KM



KETUA MENTERI dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama Ahli-ahli Majlis MPSP yang dilantik.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN - Mantan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif yang dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Human Settlements Programme (UN-Habitat) adalah bukan calang-calang jawatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ketika berucap pada Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis bagi MBPP dalam tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2018.

"Jawatan ini bukan calang-calang, mestи dipilih oleh Setiausaha Agung PBB, mestи dibentangkan sebagai usul dan disokong oleh semua negara-negara anggota (sejumlah) 170 buah negara."

"Tidak pernah ada seorang pun sejak 61 tahun lalu, sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri atau tempatan dipilih ke jawatan

setinggi itu, saya nak ucapkan tahniah walaupun berat untuk melepaskan beliau," jelasnya di Dewan Bandaraya dekat sini baru-baru ini.

Selain Maimunah, turut berucap, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang serta barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) turut serta majlis angkat sumpah tersebut.

Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota turut menasihatkan seluruh anggota pentadbiran terus meningkatkan mutu perkhidmatan, supaya terus disokong oleh majoriti rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) yang akan diadakan pada bila-bila masa dalam tahun 2018 juga.

Menurutnya, Kerajaan Negeri, MBPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mestи dilihat terus gagah pada mata rakyat.

Manakala Maimunah pula

menjelaskan mengenai Buku Target MBPP 2018, iaitu mengenai aspirasi pentadbirannya, sebelum dirasmikan oleh Guan Eng sendiri.

Sehari sebelum itu, Guan Eng, barisan Exco Kerajaan Negeri serta Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud dalam acara berasingan menyaksikan Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Ketika berucap, beliau memberitahu bahawa pelantikan semua Ahli Majlis bagi kedua-dua PBT berkenaan adalah dalam tempoh 1 Januari hingga 30 Jun ini sahaja, mengambil kira faktor Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) yang akan diadakan pada bila-bila masa dalam tahun 2018 juga.

KM terima kunjungan hormat Ketua Polis Negeri baharu

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menerima kunjungan hormat daripada Ketua Polis Pulau Pinang yang baharu, Datuk A. Thaiveegan di pejabatnya di Komtar.

Guan Eng pada pertemuan tersebut sempat melahirkan kebimbangannya berkaitan kejadian ragut dan kecurian di Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri gembira dan mengalu-alukan anda kembali ke negeri ini.

"Semuanya berada dalam keadaan baik kecuali kes ragut yang agak membimbangkan.

"Beberapa kejadian (ragut) telah menyebabkan kematian, jadi sesuatu perlu dilakukan bagi menghentikan jenayah tidak sihat ini," katanya sambil mengucapkan tahniah kepada Thaiveegan atas pelantikan sebagai Ketua Polis Negeri yang baharu.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Thaiveegan dilantik menjadi Ketua Polis Negeri bagi mengantikan Datuk Wira Chuah Ghee Lye yang bersara tetap baru-baru ini.

Dalam pada itu, Thaiveegan menyatakan bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) kini bersedia sepenuhnya untuk menggempur jenayah di Pulau Pinang termasuk memikirkan strategi berkesan bagi menangani kes ragut di sini.



A. THAIVEEGAN.

"Kami (PDRM) akan menumpukan strategi bagi mengekang kejadian ragut yang saling berkaitan dengan penagih dadah," ujarnya.

Pertemuan ringkas tersebut antara lainnya turut membincangkan isu-isu keselamatan dalam negeri dan langkah-langkah bagi mengurangkan kadar kemalangan.



KETUA MENTERI dan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama barisan Ahli Majlis MBPP yang dilantik.



Ekonomi negeri pesat, Pulau Pinang masih kekurangan 20,000 tenaga kerja – KM

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

SUNGAI PINANG - Pulau Pinang masih kekurangan sekitar 20,000 tenaga kerja, ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Kenyataan tersebut sebagai mengulas kenyataan Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) baru-baru ini bahawa lebih 50,000 pekerja dijangka diberhentikan tahun ini.

Memetik kenyataan tersebut sebagai berkata, sektor pembuatan akan menjadi sektor utama yang terjejas, diikuti insurans, perbankan, peruncitan dan juga (sektor) pembinaan.

Guan Eng berkata, beliau yakin ekonomi negeri akan lebih berkembang pesat.

"Ia boleh dilihat dari segi perkembangan ekonomi...tahun lalu, kita (Pulau Pinang) telah mencatatkan perkembangan

rancak, saya jangkakan kita akan mencapai pertambahan ekonomi lebih 6 peratus.

"Dari segi pelaburan pula, dalam tempoh sembilan bulan pertama, Pulau Pinang telah mencatatkan RM9.9 bilion iaitu sekali ganda berbanding tahun sebelumnya (RM4.3 bilion).

"Inipun, baru sembilan bulan dan masih berbaki tiga bulan lagi, dan ia dijangka akan menerima lebih lagi," ujarnya pada sidang media selepas merasmikan Smarter Hackathon Penang di sini 6 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Dato' Sr. Rozali Mohamud (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Datuk M. Murali (Pengerusi Aspen Group).

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa

peningkatan ketara turut melibatkan penambahan bilangan pelancong.

"Hotel-hotel di sini (Pulau Pinang) semuanya mencatatkan kenaikan (bilangan penginap) bukan sahaja di kawasan pulau sebaliknya juga Seberang Perai... tidak seperti bandar-bandar lain yang mencatatkan penurunan.

"Malah, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) telah melebihi kapasiti iaitu 6.5 juta penumpang lebih awal.

"Syukur, difahamkan PIA mungkin akan dibesarkan daripada 6.5 juta penumpang kepada hampir sekali ganda banyak (12 juta penumpang).

"Ini amat perlu kerana sekarang kita mempunyai penerbangan langsung dari Doha ke Pulau Pinang, iaitu *Qatar Airways* yang dijangka melakukan penerbangan sulungnya ke sini pada 6 Februari depan," jelasnya.

ACTC 2017 bukti Pulau Pinang bersih, sangkal gelaran 'Darul Sampah'

GEORGE TOWN -

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia mengumumkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berjaya mematuhi kriteria-kriteria asas ditetapkan di bawah *ASEAN Clean Tourist City Standard 2017* (ACTC).

Atas pencapaian itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merakamkan penghargaan kepada pentadbiran mantan Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

"Ini membuktikan bahawa Pulau Pinang yang dulunya dianggap sebagai (negeri) paling kotor di Malaysia sehingga digelar 'Pulau Pinang Darul Sampah' oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) ketika itu kini telah memperoleh pengiktirafan sebaliknya.

"Semua tahu Pulau Pinang sudah bersih dan (ACTC 2017) ini adalah buktinya," ujarnya pada sidang media di sini 12 Januari lalu.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng sekali lagi merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Maimunah sebagai Pengarah Eksekutif UN-Habitat di Nairobi, Kenya.

Atas pencapaian itu, menurutnya, *The Malaysia Book of Records* (MBR) pada 11 Januari 2017 mengabadikan nama Maimunah sebagai wanita pertama ASEAN dilantik sebagai Pengarah Eksekutif di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan pemimpin pertama ASEAN sebagai Pengarah Eksekutif di PBB.

"Kalau sudah direkodkan yang pertama di peringkat ASEAN, tentulah pertama jua di negara ini," jelasnya.

Bercakap pada sidang media, Maimunah



SALINAN pemakluman keputusan penilaian ACTC diterima MBPP.

menyatakan bahawa MBPP yang menerima pengiktirafan ACTC 2017 tersebut akan dicalonkan di bawah pencalonan Malaysia untuk pertandingan di peringkat ASEAN dalam satu majlis yang dijadual berlangsung di Chiang Mai, Thailand, 26 Januari ini.

Beliau dalam pada itu turut menzahirkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng kerana memberi kepercayaan dan melantik beliau sebagai Pengurus Besar Perbadanan Warisan Dunia George Town (GTWH), Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), selain Datuk Bandar MBPP sebelum ini.

13 projek tebatan banjir hampir RM1 bilion: Proses rundingan dan lawatan tapak bermula - Exco

BATU MAUNG - Kerajaan Negeri Pulau Pinang mahu meneliti terlebih dahulu kos sebenar 13 projek tebatan banjir dan kos pengambilan tanah berkait dengan pelaksanaan projek-projek berkaitan di negeri ini.

Mengulas lanjut, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, perkara tersebut akan dirunding bersama-sama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pusat sebelum memberikan sebarang respons terhadap cadangan agar Kerajaan Negeri membiayai sebahagian kos pengambilan tanah projek-projek berkenaan.

Merujuk kepada 13 projek tebatan banjir bernilai hampir RM1 bilion dikemukakan kepada Pusat, beliau menyatakan bahawa pihak JPS Pulau Pinang dan JPS Pusat kini telah memulakan proses rundingan dan lawatan tapak.

"Cuma kini terdapat isu yang memerlukan respons daripada pihak Kerajaan Negeri, mereka (JPS Pusat) inginkan kita membiayai sebahagian kos pengambilan tanah apabila projek-projek ini dilaksanakan kelak."

"Itu akan dirunding untuk memastikan kos sebenar projek-projek berkenaan dan kos pengambilan tanah... kerana kadang-kala kos pengambilan tanah untuk sesuatu projek lebih mahal daripada kos pelaksanaan projek," jelas Kon Yeow selepas lawatan tapak Projek Naik Taraf Jalan dan Parit di Zon Perindustrian Bebas (FTZ) Fasa IV di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan.

Menurut Kon Yeow, di pihak Kerajaan Negeri sememangnya pelbagai pelaksanaan projek tebatan banjir sedang diluluskan dengan nilai hampir RM200 juta, tetapi bagi projek yang melibatkan dana peruntukan lebih besar ia adalah di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa Kerajaan Pusat.



CHOW Kon Yeow.

"Kita (Kerajaan Negeri) berpuas hati dengan apa yang telah kita laksanakan dan luluskan begitu banyak projek-projek tebatan banjir di sini (Pulau Pinang)."

"Tapi, untuk projek yang menelan perbelanjaan lebih besar ia adalah di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa Pusat yang mana 13 projek ini sememangnya telah dimohon sejak Rancangan Malaysia Pertama (RMK1) dan seterusnya."

"Justeru, Kerajaan Negeri sangat berharap projek (RM1 bilion) ini akan ada keputusan-keputusan positif tahun ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota

Justeru, dalam nada seloroh Kon Yeow berharap segala tohongan dilemparkan parti-parti pembangkang lain yang kononnya pihak-pihak berkaitan ingin menjaga kepentingan negeri dan rakyat agar memainkan peranan masing-masing dan jangan hanya pandai mengkritik sahaja.

"Daripada terus-terusan mengkritik Kerajaan Negeri, saya rasa mereka juga perlu memainkan peranan memastikan Kerajaan Pusat dapat meluluskan projek-projek yang dimohon khususnya setelah berlakunya banjir besar November lalu," katanya.

Komitmen tangani masalah banjir kukuh keyakinan pelabur

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : CHEAH LAY PING

BATU MAUNG – Inisiatif Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menaik taraf jalan dan parit di Lintang Bayan Lepas 9 sekaligus diharap berjaya mengatasi masalah banjir kilat yang sering melanda Zon Perindustrian Bebas (FTZ) Fasa IV tersebut sebelum ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, MBPP telah dihubungi pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berhubung masalah berbangkit yang diberi maklum balas oleh kira-kira 13 perusahaan di sini yang kebanyakannya terdiri daripada industri pengangkutan dan logistik.

"MIDA merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab atas pelaburan asing, dan 'pihak' FTZ telah menghubungi pihak MBPP untuk membuat maklum balas berkenaan hal ini."

"Bertindak di atas aduan tersebut, MBPP tahun lalu telah memperuntukkan sejumlah RM1,145,000 bagi menangani masalah ini dengan melibatkan komponen membina semula parit 900 mm (milimeter), 1200mm tinggi dari aras jalan serta membaiki dan membina semula perabot jalan."

"Kerja-kerja penaiktarafan yang telah dimulakan pada Julai 2017 telah siap sepenuhnya tiga bulan kemudian," ujarnya ketika mengadakan lawatan ringkas ke lokasi berkaitan di sini 10 Januari lalu.

Turut serta, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin, Ahli Majlis MBPP, A. Kumaresan dan Jurutera Daerah (Daerah Barat Daya), Hashim Abdullah.

Menurut Kon Yeow, banjir kilat yang acap kali berlaku dipercayai berpunca daripada mendapan jalan yang berlaku dan keadaan permukaan jalan lebih rendah dari parit sekitar.

"Dahulunya, sini merupakan kawasan paya dan telah berlaku mendapan kira-kira dua kaki daripada permukaan asal, serta keadaan paras jalan yang lebih rendah dari parit mungkin punca kepada banjir kilat sering berlaku di sini."

"Selain membina parit yang lebih berkapasiti besar dan menaikkan aras jalan, MBPP juga telah menyediakan saluran yang dapat mengalirkan air terus ke sungai berdekatan iaitu Sungai Nipah," jelas beliau sambil menyatakan bahawa ia adalah usaha dari semasa ke



CHOW Kon Yeow (dua dari kanan), Sim Tze Tzin (tengah) dan pihak-pihak terbabit meneliti pelan jalan membabitkan kawasan FTZ sempena lawatan mereka di sini baru-baru ini.

semasa pihak Kerajaan Negeri bersama-sama agensi berwajib dalam menangani masalah banjir di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Tze Tzin menyifatkan bahawa keprihatinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang dalam menangani masalah banjir di kawasan tersebut sebagai satu usaha mengukuhkan keyakinan pelabur di negeri ini.

"FTZ ini adalah nadi kepada Pulau Pinang, yang mana industri-industri ini penting kepada ekonomi negeri."

"Kita (Kerajaan Negeri) tak boleh biarkan operasi di FTZ tergendala, ia adalah satu sistem rangkaian global."

"Mungkin boleh dijadikan iktibar apabila banjir yang melanda negara Thailand beberapa tahun lalu telah menyebabkan pelabur (kilang) di sana hilang keyakinan dan memindahkan operasi mereka ke Pulau Pinang," katanya.



LALUAN yang telah siap dinaik taraf.

Pusat tubuh UTC di Pulau Pinang, KN sedia saling kerjasama – KM

SEBERANG JAYA – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pentadbirannya menyambut baik hasrat Kerajaan Pusat untuk menubuhkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di negeri ini.

"Saya telahpun berbincang dengan Setiausaha Kerajaan Negeri (Dato' Seri Farizan Darus) dan mereka cadangkan untuk mengambil bangunan lama MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) dekat Bagan."

"Kerajaan Negeri tidak ada masalah, kalau mereka mahu sewa, Kerajaan Negeri rela sewakan," ujarnya yang

jugah Ahli Parlimen Bagan kepada pemberita di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini 2 Januari lalu.

Selain Farizan, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Yang di-Pertua MPSP Dato' Sr. Rozali Mohamud turut serta sidang media tersebut.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu bahawa Kerajaan Negeri rela menyewakan bangunan lama tersebut kepada agensi Persekutuan, asalkan

menguntungkan rakyat terbanyak di Pulau Pinang.

Difahamkan, tujuan pembukaan UTC di Pulau Pinang nanti antara lain adalah demi memberi lebih perkhidmatan kepada penduduk tempatan serta membantu sistem penyampaian kerajaan.

Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dilaporkan berkata, lokasi UTC itu telah dikenal pasti, namun pelancarannya hanya akan diumumkan Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang.

Tambakan laut selatan pulau Pinang peroleh kelulusan dua laporan kajian - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu bahawa Jabatan Laut Malaysia bersetuju untuk melulus dan menerima Laporan Analisis Risiko Marin atau *Marine Risk Analysis Report* (MRA) yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR).

Perkara itu dimaklumkan oleh Jabatan Laut Malaysia melalui surat yang diserahkan kepada rakan pelaksana projek, Konsortium SRS bertarikh 29 Disember 2017.

"Kebetulan pada sidang media yang diadakan sehari sebelum itu (28 Disember), kita (Kerajaan Negeri) menerima berita baik apabila Jabatan Laut Malaysia telah bersetuju untuk meluluskan Laporan MRA yang dibentangkan bagi Projek Tambakan Laut dan kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada cadangan masa dan perkara berkaitan projek dibentangkan sahaja."

"Malah, pada 18 Julai 2017, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pusat juga telah meluluskan Laporan Kajian Hidraulik, dan ulasan akhir mengenai perkara ini turut dimaklumkan kepada Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia, Pengarah JPS Negeri Pulau Pinang

dan Pengarah JAS (Jabatan Alam Sekitar) Negeri yang mana didapati pihak perunding telah melaksanakan kajian hidraulik bagi projek tersebut mengikut kehendak-kehendak garis panduan Jabatan ini (JPS)," jelasnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri dan barisan Exco Kerajaan Negeri di sini 3 Januari lalu.

Menurut Kon Yeow, meskipun Laporan MRA dan Laporan Hidraulik telah mendapat kelulusan, namun, Kerajaan Negeri masih perlu menunggu tiga lagi kelulusan laporan iaitu Laporan Kajian Impak Sosial (SIA), Laporan Kajian Impak Trafik (TIA) dan Laporan Kajian Impak Perikanan (FIA) daripada jabatan berwajib.

"Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, bahawa kita (Kerajaan Negeri) perlu menghantar semula laporan-laporan kajian ini bagi membolehkan jabatan atau agensi teknikal berwajib melaksanakan penilaian dan keputusan berdasarkan keterangan atau ulasan yang dimohon (oleh jabatan berwajib) terdahulu.

"(Dan) kesemua laporan kajian ini perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada jabatan berwajib sebagai sokongan bagi kelulusan Laporan EIA (Kajian Impak Alam Sekitar) nanti," katanya sambil merujuk beberapa surat yang diterima terdahulu.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut meluahkan rasa kecewa apabila ada pihak-pihak tertentu

ON GOING RECLAMATION PROJECTS IN OTHER STATE IN MALAYSIA



PROJEK-projek tambakan laut dalam negara.

yang mengeluarkan kenyataan mala fide terhadap Kerajaan Negeri untuk mengelirukan rakyat.

"Telah berulang kali kita (Kerajaan Negeri) memberitahu bahawa kita (Kerajaan Negeri) tidak berhasrat untuk memulakan projek tambakan laut ini selagi belum mendapat kelulusan dan penilaian pihak berwajib.

"(Dan) berulang kali juga kita (Kerajaan Negeri) telah sebut bahawa kita (Kerajaan Negeri) akan patuh kepada semua kehendak perundangan sebelum memulakan projek tersebut," tegasnya.

Sementara itu, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo turut menempelak laporan akhbar berbahasa Inggeris bertarikh 2 Januari 2018 sebagai memetik berkata, "In August, Wan Junaidi told the media that his ministry 'has a

mechanism' to deter Penang's land reclamation project if the state government 'is adamant about pursuing it'.

"Kerajaan Negeri tidak pernah berkata "tidak akan berganjak untuk melaksanakannya" selagi semua kehendak perundangan tidak dipenuhi dan dipatuhi. Malah, kita (Kerajaan Negeri) sekarang ini sedang berusaha mendapatkan kelulusan berlandaskan keperluan yang ditetapkan oleh jabatan dan agensi berwajib.

"Jadi jelas, kenyataan yang menyebut "is adamant about pursuing it" ("tidak akan berganjak untuk melaksanakannya") tidak pernah dinyatakan oleh Kerajaan Negeri, sebaliknya dinyatakan dalam laporan akhbar sebagai memetik Wan Junaidi (Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ketika mengadakan lawatan ke Pulau Pinang baru-baru ini," jelasnya.



MAKLUMAN jarak projek di Pulau Pinang, Melaka dan Johor berbanding zon marin sedia ada.

Sektor pelancongan negeri kian berkembang

GEORGE TOWN - Seramai 5,342,089 pelancong serta pengunjung ke negeri ini melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dalam tempoh bulan Januari hingga Julai 2017 berbanding 4,916,069 orang dalam tempoh sama pada tahun sebelumnya, dengan angka peningkatan sebanyak 8.67 peratus.

Mengulas lanjut, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang melahirkan rasa gembira dengan sektor pelancongan Pulau Pinang yang kian berkembang serta

akan menguntungkan rakyat terbanyak di negeri ini.

"Semua angka ini menunjukkan sektor pelancongan Pulau Pinang kian bagus," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Komtar di sini baru-baru ini.

Tambah Heng Kiang, jumlah pelancong serta pengunjung yang direkodkan melalui PIA sepanjang tahun 2016 adalah seramai 6.7 juta.

Berdasarkan angka itu, menurut beliau, dijangkakan

mereka yang melalui lapangan terbang tersebut bagi sepanjang tahun 2017 adalah kira-kira 7.1 juta, dengan peningkatan sebanyak 6 peratus.

Dalam perkembangan berkaitan, Heng Kiang memberitahu bahawa sektor pelancongan perubatan negeri turut berkembang sihat.

"Hasil kepada hospital-hospital berkaitan dalam tempoh enam bulan pertama 2016 adalah sebanyak RM131,707,946 dengan 175,216 pesakit bukan warganegara.

"Dalam tempoh sama enam

bulan pertama 2017 pula, hasil kepada hospital meningkat pada angka RM259,307,030 dengan melibatkan 187,376 orang bukan warganegara," jelasnya.

Selain itu, Heng Kiang menyatakan bahawa sebanyak 136 kali kapal pelayaran mewah antarabangsa berlabuh di Dermaga Swettenham dekat George Town pada tahun lalu, dan 125 kali dalam tempoh bulan Januari hingga September 2017.

"Angka ini adalah lebih besar daripada Pelabuhan Klang yang mencatatkan 78 kali pada tempoh sama tahun ini," katanya.



DANNY Law Heng Kiang.

Kaedah TMR setelah siapnya bangunan Infirmari Pusat Kawalan Vektor dan Veterinar MBPP

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

SUNGAI PINANG - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bakal menggunakan pendekatan tangkap, mandulkan dan lepas (TMR) terhadap haiwan-haiwan terbiar yang ditangkap pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan berasaskan maklum balas orang ramai.

Menurut Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, kaedah tersebut mampu diguna pakai setelah siapnya bangunan Infirmari Pusat Kawalan Vektor dan Veterinar MBPP Jalan Sungai, Sungai Pinang yang bernilai RM8.24 juta di sini.

"Apabila siapnya bangunan ini, diharap MBPP dapat tangani isu yang selalu dibangkitkan pencinta haiwan khususnya anjing serta kucing liar.

"Sesetengah maklum balas daripada pihak-pihak tertentu mendakwa bahawa MBPP kejam dalam mengendalikan haiwan-haiwan ini, justeru dengan siapnya bangunan dua tingkat berkeluasan 2,486 meter persegi ini, kita (MBPP) dapat memperaktikkan kaedah TMR," katanya pada sidang media sempena lawatan tapak bangunan Infirmari Pusat Kawalan Vektor dan Veterinar MBPP 5

Januari lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBPP (kini Datuk Bandar MBPP), Ar. Yew Tung Seang, Ahli-ahli Majlis MBPP dan Pengarah Kesihatan, Persekitaran dan Pelesenan MBPP, Dr. Jody Shoba.

Kon Yeow memaklumkan, bangunan yang dijangka siap selepas sambutan Tahun Baru Cina tersebut akan digunakan untuk menempatkan haiwan seperti anjing, kucing, kambing, kuda dan lembu yang kebiasaannya ditemui terbiar, berkeliaran serta menimbulkan kacau ganggu hasil aduan daripada orang awam.

"Melalui kaedah TMR juga, ia sedikit-sebanyak mampu mengawal lambakan populasi haiwan terbiar ini di kawasan-kawasan awam," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut mengingatkan semua pemilik haiwan peliharaan agar tidak sewenang-wenangnya melepaskan haiwan peliharaan mereka ke tempat awam yang mana ianya menjadi punca kepada lambakan haiwan terbiar.

"Sense of ownership ini sangat penting agar pemilik lebih bertanggungjawab terhadap haiwan peliharaan di bawah jagaan mereka," serunya.



CHOW Kon Yeow (kanan sekali) bersama-sama barisan kepimpinan MBPP pada lawatan tapak bangunan Infirmari Pusat Kawalan Vektor dan Veterinar MBPP di sini baru-baru ini.

The advertisement features a dark blue background with several circular inset images showing various scenes from the expo, such as people interacting, food being prepared, and a lion dance performance. The main text is in yellow and white, with Arabic script for "Halal".

**9th PENANG INTERNATIONAL
Halal Expo & Conference**

26-28 JAN. 2018 | **SPICE ARENA
PULAU PINANG**

EKSPO DAN PERSIDANGAN HALAL
ANTARABANGSA PULAU PINANG KALI KE-9

ANJURAN: PIHH HALAL PINANG

04-262 5444 | www.pihec.com.my

The advertisement has a red background with gold circular patterns. It features large white Chinese characters "新年快乐" (Happy New Year) and "恭禧" (Congratulations). The text is in white and gold.

**RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

18 FEB. 2018 | **LEBUH PANTAI
PULAU PINANG**

5PM - 11PM

2018, KM harap jana sampah boleh dikurangkan 4% lagi

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **WONG BOON FOEI**

GEORGE TOWN - Pada tahun 2018 ini, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap semua pihak boleh membantu mengurangkan lagi penjanaan sampah sebanyak 4 peratus di negeri ini.

"Setiap hari, setiap penduduk negeri Pulau Pinang membuang secara purata 1.2 kilogram (kg) sampah, dan oleh itu sejumlah 1,800 tan sampah dikutip dari seluruh negeri untuk dilupuskan di Tapak Pelupusan (sampah) Pulau Burong.

"Sekiranya semua (dasar menjaga alam sekitar) ini dapat melencengkan 4 peratus sampah daripada memasuki tapak pelupusan, dianggarkan RM2.5 juta dapat dijimatkan setiap tahun," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada program Karnival Sisa Sifar dekat Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang di sini 14 Januari lalu.

Turut berucap, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud serta Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Lim Chee Keong.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu, Phee Boon Poh; Naib Pengerusi Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang, Ch'ng Kian Ann serta Ahli Majlis bagi MPSP, Tan Chee Teong.

Difahamkan, tahun ini, MPSP dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masing-masing memperuntukkan RM102.17 juta dan RM103.5 juta.

Manakala, 38 peratus kadar kitar semula yang dicatatkan di Pulau Pinang merupakan rekod negeri paling tinggi di negara ini.

Pun begitu, Guan Eng berharap MPSP yang ketika ini merekodkan 42 peratus kadar kitar semula supaya mensasarkan peratusan yang lebih tinggi iaitu lebih 50 peratus.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama para jemputan dan peserta program Karnival Sisa Sifar dekat Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang di sini baru-baru ini.

Suruhanjaya siasatan insiden tapak kerja Tanjung Bungah diwarta dan tauliah diperkenalkan setelah diperkenan TYT, umum KM

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 3 Januari lalu mengumumkan pewartaan penubuhan Suruhanjaya Siasatan bagi menyiasat insiden di tapak pembinaan dekat Tanjung Bungah.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pewartaan penubuhan tersebut telah diperkenankan oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT) pada 21 Disember 2017.

"Melalui pewartaan ini, bahwasanya Yang di-Pertua Negeri mendapat suai manfaat dikeluarkan suatu tauliah untuk melantik Pesuruhjaya-pesuruhjaya dan memberikan kuasa kepada mereka untuk menyiasat kegagalan struktur-struktur sementara dalam insiden di tapak kerja yang berlaku di Tanjung Bungah, Pulau Pinang pada 21 Oktober 2017.

"Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perenggan 2(3)(d) dan subseksyen 3(1) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119], Yang di-Pertua Negeri mengeluarkan tauliah dan melantik Datuk Yeo Yang Poh sebagai Pengerusi Pesuruhjaya dan Datuk Ir. Dr. Gue See Saw serta Profesor Ir. Dr. Haji Ramli Nasir sebagai Ahli Pesuruhjaya," ujarnya ketika membacakan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkaitan pada sidang media di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy serta barisan Exco Kerajaan Negeri.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu bahawa surat pelantikan Pesuruhjaya-pesuruhjaya akan dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri hari ini.

"Apabila dilantik kelak, Datuk Yeo Yang Poh hendaklah menjadi Pengerusi dan bahawa Pengerusi dan seorang Pesuruhjaya hendaklah membentuk kuorum untuk mana-mana sesi pendengaran.

"Siasatan itu juga hendaklah diadakan di khalayak awam, di mana-mana tempat, pada mana-mana tarikh dan bila-bila masa sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

"Selain itu, Pesuruhjaya-pesuruhjaya hendaklah dalam menyempurnakan tauliah ini, mengikut apa-apa tatacara yang Pengerusi menganggap patut dan suai manfaat dari semasa ke semasa.

"(Dan) Pesuruhjaya-pesuruhjaya hendaklah menyiapkan siasatan dan mengemukakan suatu laporan bertulis kepada Yang di-Pertua Negeri dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh pertama sesi pendengaran Suruhanjaya atau dalam tempoh masa lanjutan yang dibenarkan dari semasa ke semasa," katanya.

Dalam pewartaan sama, Yang di-Pertua Negeri turut memperkenankan pelantikan Dato' Ng Wee Kok sebagai Setiausaha kepada Suruhanjaya Siasatan ini mengikut Seksyen 7 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119].

Menurut Warta Kerajaan Negeri itu, Pesuruhjaya-pesuruhjaya dilantik untuk menjalankan siasatan berdasarkan terma-terma berikut:

a. untuk menyiasat sebab atau sebab-sebab kegagalan struktur-struktur sementara di dalam suatu insiden di tapak kerja yang berlaku di Tanjung Bungah pada 21 Oktober

2017 (selepas ini disebut 'tapak pembinaan tersebut'), termasuk sama ada sebab atau sebab-sebab berkaitan dengan kuari yang berdekatan;

b. untuk menyiasat sama ada kegagalan struktur-struktur sementara berkenaan, kematian dan kecederaan yang berikutnya, berpunca daripada apa-apa kelalaian, kesemboronoan, pelanggaran kewajipan profesional atau kewajipan undang-undang salah laku atau perbuatan sengaja atau kegagalan bertindak oleh mana-mana orang, syarikat, atau pihak berkuasa;

c. untuk mengesyorkan apa-apa tindakan undang-undang yang wajar atau tindakan lain, jika perlu, yang patut diambil terhadap mana-mana orang, syarikat atau pihak berkuasa berkenaan yang didapati bertanggungjawab ke atas kegagalan berkenaan dan kehilangan nyawa serta kecederaan;

d. untuk menyiasat sama ada semua kelulusan yang perlu untuk atau berkaitan dengan projek di tapak pembinaan tersebut telah dipohon dengan betul dan telah diperoleh menurut undang-undang yang dipakai;

e. untuk mengesyorkan apa-apa tindakan yang sesuai, sebarang perubahan atau penambahbaikan terhadap proses-proses dan prosedur-prosedur yang relevan, yang patut diambil atau dibuat oleh pihak berkuasa atau mana-mana pihak yang lain untuk mengelakkan atau menghindari berlakunya kejadian yang serupanya;

f. untuk membuat apa-apa keputusan yang selanjutnya atau keputusan lain yang berkaitan atau bersampingan dengan mana-mana atau semua perkara di atas.

"Rakyat Pulau Pinang rakyat Malaysia juga, harap Pusat segera tunai janji salur bantuan kewangan bencana banjir"

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

BATU LANCANG - Kerajaan Negeri Pulau Pinang menanggung keseluruhan kos berjumlah RM27,500 bagi membaiki bumbung rosak di ketiga-tiga blok rumah pangsa kos rendah, Taman Seri Damai dekat sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu bahawa dalam kejadian bencana banjir dan ribut paling dahsyat pada 4 dan 5 November lalu, bumbung di Tingkat 16 Blok 21, 23 dan 25 dekat sini diterbangkan angin kencang.

"Kejadian tersebut telah menyebabkan 36 unit di ketiga-tiga blok rumah pangsa kos rendah di sini mengalami kerosakan.

"(Dan) difahamkan, air hujan turut melimpah masuk ke dalam kediaman penghuni," ujarnya sejurus meninjau keadaan di aras atas rumah pangsa berkenaan 14 Januari lalu.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Danny Law Heng Kiang serta Bendahari Perbadanan Pengurusan Taman Seri Damai, Mohd. Fairuz Abdul Muthaliff dan wakil-wakil kontraktor.

Dalam pada itu, Mohd. Fairuz turut menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri sendiri yang tidak pernah jemu membantu penduduk di sini.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri, kepada Ketua Menteri dan ADUN yang tidak pernah jemu tololng setiap kali kami minta pertolongan.

"Terima kasih daripada penduduk di sini dan juga Perbadanan Pengurusan Taman Seri Damai," katanya.

Sementara itu dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng meminta supaya Kerajaan Persekutuan segera menunaikan janji untuk membantu rakyat Pulau Pinang yang terjejas akibat banjir.

"Saya ingin meminta Kerajaan Pusat supaya beri bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di sini (Pulau Pinang) dan harap dapatlah janji (yang dibuat sejak) November lalu ditunaikan.

"Kita (Kerajaan Negeri) kesal apabila sejak 2013 sehingga kini, daripada RM235 juta bantuan kewangan mangsa-mangsa bencana seluruh negara, Pulau Pinang hanya menerima RM35,500 sahaja, mana cukup.

"Itupun (jumlah RM35,500) tidak termasuk kejadian banjir pada November lalu...mengapa tidak bayar?

"Rakyat Pulau Pinang pun rakyat Malaysia juga, lagipun rakyat Pulau Pinang bayar cukai RM6.5 bilion setiap tahun tidak termasuk GST (cukai barang dan perkhidmatan) sejak 1 April 2015, rakyat Pulau Pinang membayar RM5.6 bilion," jelasnya kepada pemberita di sini.

Apabila disoal sama ada tindakan Kerajaan Persekutuan tidak menyalurkan bantuan bencana kepada mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang adalah ekoran kerana menyokong Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, Guan Eng berharap ia adalah tidak benar.

"Saya harap Kerajaan Pusat dapat membuktikan bahawa semua persepsi itu tidak benar.

"(Kerana) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberikan (bantuan bencana) RM700, dan RM500 (bantuan bencana Kerajaan Pusat) sekiranya diberikan kepada mangsa-mangsa banjir pasti akan lebih membantu," ulasnya.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil pemimpin setempat dan pihak-pihak berkaitan ketika meninjau keadaan aras atas rumah pangsa Taman Seri Damai di sini baru-baru ini.



KEADAAN aras atas rumah pangsa Taman Sri Damai yang telah siap dibaiki.

Gelanggang bola keranjang berbumbung
T a m a n
T a n g l i n g
m a n f a a t
t e r b a n y a k
kepada muda-mudi

BUKIT TAMBUN - Projek pemajuan gelanggang bola keranjang berbumbung yang sedang dilaksanakan di Taman Tangling di sini menelan belanja RM226,000, daripada peruntukan Ketua Menteri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap projek tersebut akan memberi manfaat terbanyak kepada komuniti setempat, khususnya mudah-mudi.

Tambahnya, pentadbirannya sehingga tahun 2016 direkodkan membelanjakan kira-kira RM3.077 bilion untuk projek-projek pembangunan di Pulau Pinang.

Sebelum itu, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun melahirkan penghargaan ekoran peruntukan khas berkaitan bagi projek pemajuan gelanggang bola keranjang berbumbung tersebut.

Turut berucap, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.

TABUNG USAHAWAN TANI MUDA NEGERI PULAU PINANG



BORANG-BORANG BOLEH DIDAPATI DI:

JABATAN PERTANIAN +04-537 2142

JABATAN PERIKANAN +04-657 2777

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR +04-508 4368

Bimbang hakisan sungai ancam keselamatan penduduk, Exco harap Pusat segerakan RTB Sungai Pinang

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

DATUK KERAMAT – Hakisan yang berlaku di tebing Sungai Pinang di sini sejak kejadian bencana banjir dan ribut pada 4 dan 5 November tahun lalu semakin membimbangkan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo berkata, hakisan yang semakin hari semakin luas itu bukan sahaja menjelaskan penempatan di sekitar kawasan tersebut, malah turut mengancam keselamatan mereka.

“Kita (ADUN dan penduduk di Kebun Lama) bimbang sekiranya tidak ditangan dengan segera, perkara tidak diingini akan berlaku kerana jambatan ini menjadi penghubung (antara Jalan Langkawi dan Jalan Gopeng) kepada penduduk setempat.

“Sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin, kita akan meneruskan usaha melaksanakan projek-projek jangka masa pendek dan sederhana di sini (Sungai Pinang), namun paling utama adalah Kerajaan Persekutuan perlu segera menyempurnakan segera Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang yang sudah sekian lama tergandala.

“RTB Sungai Pinang ini mempunyai tiga fasa dan Fasa 1 telahpun disempurnakan pada tahun 1999 namun selepas itu, tidak ada apa-apa yang berlaku meskipun Kerajaan Negeri telah



JAGDEEP Singh Deo pada lawatan tapak di sini baru-baru ini.

mengambil tanggungjawab memindahkan penduduk di kawasan berkaitan bagi membolehkan RTB ini dilaksanakan,” tegasnya kepada pemberita sejurus lawatan kerja ke Kebun Lama, Jalan Langkawi di sini 14 Januari lalu.

Turut serta, Jurutera Daerah bagi Daerah Timur Laut (DTL), Nortilawati Osman serta wakil-wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Menurut Jagdeep, **kegagalan Kerajaan Persekutuan untuk menyempurnakan RTB Sungai Pinang bukan sahaja mengakibatkan rakyat Pulau Pinang di kawasan sepanjang sungai berkaitan terpaksa berhadapan dengan bencana banjir, malah juga menyebabkan kesengsaraan hidup.**

“Oleh itu, saya ingin menggesa Kerajaan Pusat supaya tidak melengahkan masa lagi, apakah Perdana Menteri tidak mengutamakan penyempurnaan projek-projek RTB seperti ini sehingga mengakibatkan rakyat terpaksa menanggung sengsara.

“(Dan) saya difahamkan oleh JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) Pulau Pinang bahawa bagi RTB ini, lantikan dan perolehan akan dilakukan pada bulan ini (Januari) dan kerja-kerja di tapak akan bermula sekitar Jun atau

Julai tahun ini.

“Cuma saya harapkan ia terlaksana kerana sebelum ini pun sudah berkali-kali saya dengar tentang lantikan kontraktor ini,” gesanya yang berharap desas-desus perlaksanaan RTB Sungai Pinang dapat direalisasikan segera.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep turut meminta supaya Kerajaan Persekutuan segera menyalurkan bantuan kewangan bencana kepada mangsa-mangsa banjir yang terjejas dalam kejadian 4 dan 5 November lalu.

“Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang masih menunggu dengan penuh harapan bantuan banjir daripada Kerajaan Persekutuan, bukan sahaja meluluskan RTB Sungai Pinang sebanyak RM1 billion, tetapi juga bantuan kewangan RM500 kepada setiap mangsa banjir di negeri ini.

“Hal ini kerana, Kerajaan Negeri telahpun menyalurkan RM38.8 juta kepada 60,983 mangsa banjir yang terjejas dalam kejadian 15 September serta 4 dan 5 November lalu termasuk mengumumkan fasa kedua pembayaran bantuan RM700 secara *one-off* yang pendaftarannya berakhir pada 31 Januari 2018,” jelasnya yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan.



KESAN hakisan sungai di bawah jambatan yang menghubungkan Jalan Langkawi dan Jalan Gopeng.

Peneroka bandar Kampung Permatang Tok Subuh dapat 'Rumah Ganti Rumah', sekaligus sanggah fitnah pembangkang

MACHANG BUBUK – Sesegera mungkin 'Rumah Ganti Rumah' bernilai RM100,000 seunit akan diberikan kepada 37 keluarga peneroka bandar yang diusir secara paksa daripada Kampung Permatang Tok Subuh.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong memberitahu bahawa inisiatif tersebut sekaligus menyanggah dakwaan pihak pembangkang Pulau Pinang kononnya Kerajaan Negeri Pakatan Harapan hari ini tidak membela nasib peneroka bandar di kampung berkenaan.

"Kampung Tok Subuh seringkali dijadikan modal fitnah Umno dan BN (Barisan Nasional) dan sekutu mereka terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"(Namun), 37 keluarga peneroka akan diberikan rumah bernilai RM100,000 bagi setiap keluarga di tanah Kampung Tok Subuh juga.

"Keluarga peneroka telah menyatakan sokongan kepada Kerajaan Negeri mengambil balik tanah lot 635 Kampung Permatang Tok Subuh untuk mendirikan rumah baru tersebut.

"Semua 11 rumah yang kini berada di atas lot 635 telah ditawarkan rumah RM100,000



JAB Samat (berkopiah putih) bersama-sama anggota Badan Bertindak Selamat Kampung Permatang Tok Subuh mengangkat kain rentang menyokong rancangan 'Rumah Ganti Rumah' secara percuma yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

secara percuma," jelas beliau dalam satu majlis interaksi bersama-sama penduduk kampung berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut berucap, jurucakap Parti Keadilan Rakyat (PKR) Cabang Bukit Mertajam, Jab Samat serta Pengurus Badan Bertindak Selamatkan Penduduk Kampung Permatang Tok Subuh, Hamidah Che Embi.

Sebelum itu, menurut Hamidah, secara

umumnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang seakan telah berjaya menyelamatkan Kampung Permatang Tok Subuh daripada lenyap.

"Semua 37 keluarga bakal mendapat rumah baru, jangan pula ada mana-mana pihak merosakkan rancangan Kerajaan Negeri dan perjuangan peneroka untuk membangunkan semula Kampung Permatang Tok Subuh," ujarnya.

Difahamkan, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan membina sendiri unit-unit kediaman untuk peneroka bandar berkenaan, dengan kos pemajuan seunit adalah RM25,000, tetapi nilai harta tersebut dianggarkan kira-kira RM100,000.

11 keluarga yang baru bersetuju dengan solusi 'Rumah Ganti Rumah' hanya akan ditawarkan unit kediaman berwajib secara percuma dengan tunai RM2,500 untuk tujuan mengosongkan unit kediaman asal mereka masing-masing di atas tanah berkenaan.

Manakala 26 keluarga lain, akan diberi unit kediaman sama berserta baki pampasan, jika jumlah asal pampasan yang dipersetujui antara mereka dan pemaju swasta adalah melebihi RM25,000.

Pada majlis sama, 37 keluarga berkenaan turut mengangkat kain rentang menyokong usaha Kerajaan Negeri membela nasib mereka.

Pada kain rentang tersebut tertera mesej, 'Kami 26 keluarga Kg. Tok Subuh sokong usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang membangunkan semula lot 635 untuk keluarga peneroka.'

TP1M, Exco harap KPKT dapat pertimbang dan lulus baki permohonan Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

DATUK KERAMAT - Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan usaha mempertimbangkan permohonan penyelenggaraan yang layak menerusi Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) setelah Kerajaan Persekutuan dilihat gagal untuk menyalurkan dana penyelenggaraan di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M).

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, sejak tahun 2013, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM12.13 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan skim rumah mampu milik Jenis A (kos rendah) dan Jenis B (kos sederhana rendah).

"Sebanyak 96 projek membabitkan 52 projek pertukaran lif, tangki air dan perparitan pula 21 projek, pertukaran bumbung (8) dan lain-lain penyelenggaraan termasuk mengecat semula, pembinaan tembok dan penurapan jalan (15).

"Manakala, 17 projek lagi kini dalam pertimbangan untuk kelulusan tahun ini berbanding Pusat yang hanya meluluskan 29 daripada 143 permohonan yang dibuat (oleh Pulau Pinang) sejak 2012.

"Jadi saya harap, untuk tahun 2018 ini, KPKT (Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dapatlah mempertimbangkan untuk meluluskan baki permohonan yang belum diluluskan dengan kadar segera memandangkan Perdana Menteri telah mengumumkan dalam Bajet 2018 peruntukan sebanyak RM200 juta dalam TP1M berbanding peruntukan Kerajaan Negeri yang terhad hanya RM6.8 juta (di bawah TPM80PP)," ujarnya kepada pemberita sejurus mengadakan lawatan ke Blok 33, Taman Soon Boon Kee dekat sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan) bersama-sama sebahagian komuniti setempat mencuba lif baharu ketika lawatan ke Blok 33, Taman Soon Boon Kee di sini baru-baru ini.

Keramat hadir ke Taman Soon Boon Kee bagi melihat penyempurnaan projek penyelenggaraan lif yang berharga RM15,603.20 di bawah TPM80PP.

"Sebelum ini, iaitu pada 2014, Kerajaan Negeri turut meluluskan pembaikan lif di

sini termasuk pumbaikan tembok tahun lalu (2017).

"Kali ini difahamkan, projek ini membabitkan penggantian tali penggerak utama dan roda kapi utama lif ini yang telah usang, 32 tahun,

lagipun DOSH (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) menasihatkan supaya ia ditukar demi keselamatan penduduk," katanya yang turut mengedarkan kalender tahun baru 2018 kepada penduduk di sini.

Laporan palsu & fitnah media pro BN, percubaan aibkan Kerajaan Negeri menjelang PRU - Guan Eng

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menasihatkan beberapa media mesra Barisan Nasional (BN) supaya tidak terus mengamalkan politik fitnah terhadap Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada musim Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), sekarang.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai beberapa laporan palsu dan berunsur fitnah yang dilaporkan baru-baru ini.

Justeru beliau berkata, pihaknya memang tidak selesa dengan wartawan yang tiada etika.

"Laporan palsu ini bukan sahaja tidak bermoral, tidak ada akhlak daripada segi kewartawanan dan juga

memperdagangkan (laporan berita) untuk menipu dan fitnah."

"Semalam (11 Januari 2017), Pejabat Ketua Menteri tidak diserbu langsung oleh SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia), maka saya harap janganlah cuba sekali lagi untuk memburuk-burukan imej Pejabat Ketua Menteri, dengan laporan palsu seumpama ini," nasihatnya dalam sidang media di sini 12 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai serta ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey.

Guan Eng memberitahu, pada 11 Januari 2018, antara jam 4 petang sehingga 5 petang, beliau masih di pejabatnya bersama-sama Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) Tuan Haji Mohamad Sabu dan Datuk Saifuddin Nasution Ismail (Penasihat Strategik Kepada Ketua Menteri merangkap Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat, PKR).

Jelas Guan Eng, mereka saling berbincang mengenai program *Mutiara Food Bank* iaitu program mengagihkan lebihan makanan bermutu kepada keluarga-keluarga terpilih khususnya golongan fakir dan miskin di negeri ini.

"Mana ada Pejabat Ketua Menteri diserbu, saya masih bertugas," jelasnya.

Sentiasa cuba cabar diri untuk sesuatu yang lebih baik - Tung Seang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

PEMASYHURAN Ar. Yew Tung Seang sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sudah dijangka banyak pihak kerana bekas setiausaha bandaraya tersebut memang dikenali sebagai individu yang mempunyai pengalaman luas.

Tung Seang menggantikan Dato' Maimunah Mohd. Sharif yang dilantik sebagai Pengarah Eksekutif UN-Habitat di Nairobi, Kenya bermula pada 20 Januari 2018.

Pelantikan Tung Seang berkuatkuasa 20 Januari, dan acara istiadat mengangkat sumpah penerimaan jawatan tersebut dilangsungkan pada 22 Januari 2018.

"Saya menerima pengumuman pelantikan jawatan ini dengan perasaan penuh rendah diri," merupakan ucapan Tung Seang dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Semasa itu, barisan Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang lain dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus turut menyaksikan pemasuhan nama Tung Seang, serta Pengarah Kejuruteraan MBPP Ir. Addnan Mohd. Razali diumumkan sebagai Setiausaha Bandaraya baru.

Dalam wawancara tersebut, Tung Seang memberitahu bahawa beliau mula bekerja sebagai jurutera kontrak di MBPP pada tarikh 1 Mac 1991.

Sebelum dilantik sebagai Setiausaha Bandaraya MBPP pada 30 Jun 2017, beliau pernah menjadi Jurutera Kanan, Ketua Jurutera, Pengarah Kawalan Bangunan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Di MBPP, Tung Seang dikenali sebagai orang yang gemar bersukan, tidak kira acara kayuhan basikal atau mendaki bukit.

"Selalunya, saya akan membawa rakan-rakan sejawat MBPP untuk sama-sama berbasikal, mendaki bukit.

"Ini, merupakan sukan yang boleh dilakukan secara berpasukan.

"Justeru, dengan penglibatan kakitangan-kakitangan kita (MBPP), selepas waktu pejabat, kita akan melupakan segala jawatan dan pangkat, kita boleh semarakkan semangat kekitaan," jelasnya.

Baginya, MBPP sudah berada pada satu kedudukan yang begitu tinggi berbanding PBT lain.



AR. Yew Tung Seang.

Maka, Tung Seang berkata beliau senantiasa akan cuba mencabar dirinya bagi melakukan sesuatu yang lebih baik untuk rakyat dan Pihak Berkuasa Negeri.

"Cabaran yang akan datang sebenarnya adalah ekspektasi penduduk yang inginkan Pulau Pinang yang lebih bersih, hijau, selamat dan bertaraf antarabangsa.

"Cuma bertuahnya, saya ini datang dari MBPP sejak 1991, jadi semangat berpasukan itu telah ada untuk kita bergerak maju ke depan," jelasnya.

Impian

Dalam pada itu, Tung Seang turut berkongsi impian keemasannya, selepas dimasyhurkan sebagai Datuk Bandar MBPP baru.

"Impian keemasan saya adalah memajukan lagi MBPP ke arah menjadi sebuah bandar raya pintar, mesti juga berdaya tahan dan mampu."

"Ramai orang berkata *Smart City*, apa sebenarnya bandar raya pintar?

"Sejak tahun lepas, telah kami rangkakan pelan bandar pintar (Fokus MBPP 2018).

"Kalau boleh, tidak perlulah sebut bangsa Cina atau

Melayu. Bagi saya, saya tidak pernah kira kaum.

"Saya berasal dari kampung sebenarnya, di keliling rumah saya, satu keluarga Cina pun tak ada. Semua Melayu di kampung saya dekat Padang Serai, Perak.

"Selepas menamatkan pengajian di Universiti Sains Malaysia, saya bekerja sekejap di syarikat swasta dan selepas itu bekerja sebagai jurutera kontrak di MBPP, selepas dua tahun baru sebagai jurutera tetap.

Harapan

Akhir wawancara eksklusif itu, Tung Seang turut menzahirkan beberapa harapan kepada 'pasukan' MBPP dan penduduk Pulau Pinang secara umumnya.

"Kita (MBPP) perlukan satu pasukan yang kuat dan pintar, kita kena buat satu hubungan dua hala yang lebih kukuh secara dalaman (MBPP) dan luaran.

"Harapan saya bahawa kita boleh membantu Kerajaan Negeri dalam pelbagai perkara.

"Antaranya, dalam pembinaan bakat, jadi fokus saya pada muda-mudi dan pelajar sekolah, sebagai harapan negeri.

"Apa yang lebih penting bagi saya adalah bakat, dan Pulau Pinang boleh menjadi lebih baik pun salah satu sebabnya adalah bakat di negeri ini," ujar beliau.



IR. Addnan Mohd. Razali.

Maimunah hasrat popularkan kejayaan Pulau Pinang di Nairobi

GEORGE TOWN - "Di kediaman rasmi saya dekat Nairobi, Kenya nanti, saya berhasrat untuk mewujudkan sudut pameran khas mengenai kejayaan serta pengiktirafan dunia terhadap Pulau Pinang termasuk berkait MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai), MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) dan GTWHI (George Town World Heritage Incorporated)."

Mantan Datuk Bandar MBPP Dato' Maimunah Mohd. Sharif menzahirkan hasrat itu pada Majlis Jamuan Perpisahan Anjuran Ketua Menteri Pulau Pinang di restoran atas puncak Komtar di sini 15 Januari lalu.

Seumur Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang hadir pada majlis jamuan tertutup tersebut.

Maimunah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) bagi Program UN-Habitat, dan akan mula melaporkan diri di Kenya pada 20 Januari ini.

Sebelum itu, Guan Eng ketika berucap melahirkan harapan agar Maimunah terus membawa jenama Pulau Pinang di peringkat global.



MAIMUNAH Mohd. Sharif mengadakan perbincangan bersama-sama Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada Majlis Jamuan Perpisahan di sini baru-baru ini.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdulmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapree adunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbktengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungapinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan drjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA -	-
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolpkb@gmail.com	013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhammad muhasdey@gmail.com	019 - 437 2887
PERMATANG BERANGAN Fahmi Abu Bakar mudiram@gmail.com	013 - 488 1601
SUNGAI DUA Rosli Hassan rosli1971@yahoo.com	019 - 410 5990
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Ahmad mustafakamalmka@gmail.com	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Mohd. Rizal Abd. Hamid rizalhamid.pppka@gmail.com	012 - 424 3878
BAYAN LEPAS Azrul Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	017 - 594 1976
PULAU BETONG Mohd Tuah Ismail mtuah17@gmail.com	019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017 - 460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON OPERATOR ANTARABANGSA	103 101	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
NEGERI	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
KASTAM	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
IMIGRESEN	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	CAP	04-829 9511
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 04-281 1108
EPF	04-226 1000	PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555
SOCSCO	04-238 9888		

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1	Penaga	:	-	N22	Tanjong Bungah	:	012 - 465 0021	- Tina
N2	Bertam	:	012 - 466 9681	N23	Air Putih	:	011 - 12441069	- Hezreen
N3	Pinang Tunggal	:	017 - 424 9371	N24	Kebun Bunga	:	04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N4	Permatang Berangan	:	012 - 505 1334	N25	Pulau Tikus	:	012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5	Sungai Dua	:	016 - 412 8588	N26	Padang Kota	:	017 - 956 3237	- Quah
N6	Telok Air Tawar	:	012 - 475 4326	N27	Pengkalan Kota	:	012 - 401 1522	- Johnny Chee
N7	Sungai Puyu	:	012 - 480 5495	N28	KOMTAR	:	010 - 811 7300	- Ch'ng Chin Keat
N8	Bagan Jermal	:	013 - 449 0366	N29	Datok Keramat	:	04 - 226 2464	- Razin
N9	Bagan Dalam	:	016 - 473 1963	N30	Sungai Pinang	:	04 - 282 6630	- Kalvinder Nayim
N10	Seberang Jaya	:	04 - 390 5109	N31	Batu Lancang	:	04 - 282 6419	- Karuna
N11	Permatang Pasir	:	010 - 406 2128	N32	Seri Delima	:	019 - 4474362	- Mahen James
N12	Penanti	:	013 - 595 6865	N33	Air Itam	:	012 - 5242549	- Anne Janet
N13	Berapit	:	04 - 538 2871	N34	Paya Terubong	:	012 - 4730736	- Toon Hoon Lee
N14	Machang Bubuk	:	04 - 538 3871	N35	Batu Uban	:	016 - 480 0232	- Frankie Kee
N15	Padang Lalang	:	016 - 401 3507	N36	Pantai Jerejak	:	016 - 487 8602	- Jalal
N16	Perai	:	017 - 446 1817	N37	Batu Maung	:	016 - 444 3550	- Khairul Sathyia
N17	Bukit Tengah	:	012 - 474 0964	N38	Bayan Lepas	:	016 - 446 4700	- Aliiff / Shamsudin
N18	Bukit Tambun	:	012 - 473 0964	N39	Pulau Betong	:	019 - 498 1096	- Amirulzaman
N19	Jawi	:	017 - 378 4448	N40	Telok Bahang	:	016 - 428 6158	- Danny Ho
N20	Sungai Bakap	:	017 - 408 4784				016 - 231 0806	- Yusof Ismail
N21	Sungai Acheh	:	012 - 456 5018				012 - 464 3004	- Aidi Akhbal
		:	019 - 552 8689				017 - 413 5695	- Johan Abu Bakar
		:	012 - 542 4454				017 - 569 6712	
		:	013 - 580 2547					

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2018**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	012 - 548 2465 019 - 658 2465
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Dr Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	A. Veerasamy	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	012 - 451 5938

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2018**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Februari 2018**



16hb Februari 2018
Rumah Terbuka Tahun Baru Cina
YAB Ketua Menteri Pulau Pinang

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD, ALVIE CHENG,
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, NUR AFIAQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Jalin kerjasama lebih erat, syukur peruntukan RM1 juta naik taraf Little India - Pengerusi Eksekutif MICCI Pulau Pinang

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : J. PATMAVATHY

SABAN tahun penganjuran Festival Membeli-belah India Antarabangsa Pulau Pinang telah memberi tekanan kepada jualan barang di sekitar Little India di sini, hingga mendorong kepada keputusan menghentikan penganjuran berkaitan bermula tahun ini.

Ketua Pengurus Eksekutif Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Kaum India Malaysia cawangan Pulau Pinang (MICCI Penang), Datuk N. Gobalakrishnan berkata, perkara tersebut diputuskan sendiri oleh Ketua Menteri ketika hadir merasmikan Karnival Deepavali di Little India tahun lalu.

Mengulas lanjut, Gobalakrishnan menyatakan bahawa keputusan Kerajaan Negeri menghentikan penganjuran tersebut sekaligus menjadikan Pulau Pinang negeri pertama yang mendengar rayuan dan suara peniaga-peniaga berketurunan India tempatan.

Katanya, MICCI Pusat juga cuba membawa suara ketidakpuasan hati peniaga-peniaga India di negeri lain kepada pihak Kerajaan masing-masing,

tetapi sehingga kini masih belum menerima sebarang maklum balas berhubung perkara tersebut.

"Penganjuran berkenaan yang secara lazimnya diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun memberi tamparan hebat kepada golongan peniaga sekitar Little India di sini.

"Manakan tidak...kebanyakannya perniagaan di sini merosot kerana penganjuran menawarkan barang tiga kali ganda lebih murah yang dibawa masuk khas dari negara India dan Pakistan ke sini," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui dekat pejabatnya di Little India baru-baru ini.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif MICCI Pulau Pinang, Datuk R. Sethupandian.

Rentetan itu, MICCI Pulau Pinang yang bertanggungjawab menjaga kepentingan peniaga-peniaga India di negeri ini merancang untuk mengadakan penganjuran Karnival Deepavali sendiri dalam skala yang lebih besar tahun ini bagi membantu meningkatkan hasil jualan masing-masing.

"Selain itu, kemungkinan kita (MICCI Penang) juga akan cuba menjalin



N. Gobalakrishnan.

kerjasama dengan pengusaha-pengusaha kapal persiaran untuk membawa masuk lebih ramai pelancong ke sini kelak," ujar Gobalakrishnan.

Dalam pada itu, beliau turut

menzahirkan ucapan terima kasih kepada kepimpinan Kerajaan Negeri di atas pengumuman peruntukan RM1 juta yang akan disalurkan bagi menaik taraf Little India.

"Ia (menaik taraf) kini dalam perancangan.

"Malah, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) juga telah bersetuju untuk membiayai kos mendirikan pintu gerbang di sini, tetapi ia masih dalam proses reka bentuk," jelasnya dengan harapan dapat menjalankan kerjasama lebih erat bersama Kerajaan Negeri pada masa hadapan.

Apabila dicuit berhubung pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) oleh Kerajaan Pusat, Gobalakrishnan dalam responsnya memberitahu, rata-rata peniaga di Little India semuanya merungut dengan kadar kenaikan barang kini.

"Jika dilihat kenaan GST ini sememangnya menerima rungutan orang ramai, malah golongan peniaga sendiri.

"Ini kerana, apabila kerajaan mula kenakan GST, harga barang semakin meningkat hingga menyebabkan kuasa membeli pengguna semakin menurun.

"Ia juga adalah faktor kenapa pasaran jualan semakin merosot kini," kata beliau.

Ekonomi Pulau Pinang kukuh, apa kata jurutera muda?



NORMAN Ahmad Osman.

"**RAMAI** pelabur dari luar negara membuka kilang di kawasan zon perindustrian Bayan Lepas, dan yang terbaru di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan...jadi secara langsung mewujudkan banyak peluang pekerjaan baik dari segi profesional maupun *non-professionals*.

"Walaupun kita dengar ada syarikat-syarikat yang 'membuang' pekerja, tetapi peluang pekerjaan profesional masih lagi menunjukkan peningkatan, dan secara peribadi saya amat berpuas hati dengan kos sara hidup di Pulau Pinang jika dibandingkan dengan bandar besar lain seperti Lembah Klang dan Johor Bahru," **NORMAN AHMAD**

OSMAN, 32, Jurutera Teknologi Maklumat Intel Technology Sdn. Bhd..

"Peluang pekerjaan yang luas di Pulau Pinang menggalakkan lepasan siswazah merantau ke sini selain memperoleh pendapatan yang tinggi setanding negeri-negeri lain seperti Johor Bahru, Selangor dan Kuala Lumpur.



NURUL Aqilah Jalaluddin.

"Tambahan pulakini, sektor industri pembuatan yang kian berkembang di Batu Kawan menambahkan lagi peluang pekerjaan di negeri ini," **NURUL AQILAH JALALUDDIN**, 30, Jurutera Pemprosesan QDOS

Flexcircuits Sdn. Bhd..

"Pasaran kerja di Pulau Pinang dah melalui satu revolusi...jika dahulu sektor pembuatan merupakan salah satu *major runner* di sini, tetapi sekarang bidang lain tidak kurang hebatnya seperti perhotelan, *medical tourism*, hartanah, perniagaan dan lain-lain.



MOHAMED Yassir Muzammil.

"Perkara ini menarik minat pelabur luar secara langsung serta memberi impak ekonomi yang positif kepada orang tempatan terutamanya dalam aspek pekerjaan," **MOHAMED YASSIR MUZAMMIL**, 32, Jurutera Pembuatan Intel Technology Sdn. Bhd..

(Sambungan dari muka 1).

Selain itu, kata Mat Jamil, Pihak Berkua Negeri dan PBT perlu meneliti semula garis panduan tapak jaja dalam kompleks dan sebagainya.

"Contoh luas tapak jaja dalam kompleks sesuai tak dengan jenis-jenis penjajaan.

"Selalunya penjaja lebih tahu di mana lokasi penjajaan yang lebih komersial, dan bolehkah pihak berkua negeri ambil maklum cadangan mereka.

"Jangan dibina pusat penjajaan jauh daripada bandar atau di lokasi tidak komersial seperti di Kubang Menerong, maka merugikan tanah negeri dan tidak boleh bawa banyak manfaat kepada kaum peniaga.

"Patut pegawai perancang bandar ambil pendapat peniaga juga di mana lokasi niaga komersial dan sebagainya.

"Lebih banyak hasil penjaja dengan tapak penjajaan, ertinya lebih banyak hasil boleh dikutip daripada penjaja melalui lesen dan cukai-cukai lain," katanya sambil meminta penjawat awam mengkaji tabiat menjaja di Pulau Pinang, bukan sahaja melaksanakan langkah-langkah penguatkuasaan berwajib.

Tambah Mat Jamil, Kerajaan Negeri turut disyorkan menyediakan pemberian insentif khas kepada penjaja jua, sebagai tanpa penghargaan kerana mengerakkan ekonomi negeri.

"Warga emas, ibu tunggal, OKU (orang kurang upaya), mahasiswa...dari penarik beca sampai pemandu teksi semuanya dapat sumbangan penghargaan daripada Kerajaan Negeri hari ini.

"Kalau tidak boleh dalam bentuk sumbangan wang tunai, patut anggota persatuan penjaja diberikan bantuan kerajaan, dalam bentuk barang seperti seragam, khemah, papan iklan niaga di gerai masing-masing, kemudahan infrastruktur parkir ala 'Mini Chatuchak' dan sebagainya, yang secara tak langsung meningkat imej Pulau Pinang sebagai Negeri Kebajikan dan Keusahawanan," ujarnya.

(Rujuk juga muka 23).

Maimunah selesa dengan cabaran berfikiran positif dan jangan berhenti belajar, prinsip beliau

20 JANUARI 2018, mantan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Maimunah) memulakan tugas beliau sebagai Pengarah Eksekutif United Nation-Habitat di Nairobi, Kenya.

Pelantikan itu memahatkan nama Maimunah sebagai anak Malaysia pertama dan benua Asia pertama dilantik memegang jawatan berkenaan.

Bagi penulis, 'pemergian' Maimunah dari Pulau Pinang meninggalkan perasaan bercampur baur. Beliau merupakan individu pertama diwawancara penulis di dalam penerbitan Buletin Mutiara (dahulunya dikenali sebagai Suara CAT) edisi Jun 2010 ketika berjawatan sebagai Pengurus Besar Pejabat Warisan Dunia George Town (kini dikenali sebagai *George Town World Heritage Incorporated*, GTWHI).

Gembira dan bangga dengan pelantikan beliau, namun pada masa sama begitu berat ingin 'melepaskan' seorang pemimpin yang tidak pernah kering dengan senyuman.

Walaupun tidak selalu berjumpa, sesekali terserempak, kami akan berpeluk dan bertanyakan khabar. Biasa dengan panggilan 'Puan' walaupun telah bergelar 'Dato', penulis menganggapnya sebagai salah seorang ikon, rakan dan juga seorang pemimpin wanita unggul.

Selepas Maimunah mempengaruhi Mesyuarat Biasa Majlis MBPP terakhir baru-baru ini, kami diberi peluang mengadakan wawancara eksklusif bersama-sama bakat Pulau Pinang tersebut. Ikuti coretan dan temubual bersama-sama wartawan Buletin Mutiara (BM) **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **YAP LEE YING** di Dewan Bandaraya.

BM: Secara umum, bolehkah Dato' kongsikan mengenai pencapaian terbesar sepanjang menjadi pentadbir di negeri ini?

Maimunah: Bagi saya eloklah penduduk sendiri memberitahu apakah pencapaian terbesar yang dirasai oleh mereka di (bahagian) Seberang Perai dan (bahagian) pulau. Saya di sini (MBPP) hanya enam bulan sahaja dan di Seberang Perai (MPSP) enam tahun tiga bulan.

Ke mana sahaja saya pergi bertugas, impian saya hanya untuk menjadi pemimpin pada kerja berpasukan. Kerja berpasukan, sebagaimana yang selalu Y.A.B. Ketua Menteri (Tuan Lim Guan Eng) sebut, kepemimpinan tanpa pasukan yang terbaik tidak boleh melakukan yang terbaik, jadi saya senantiasa akan cuba membina pasukan kerja di mana sahaja saya bertugas.

(Kerja berpasukan) inilah yang telah wujud di Seberang Perai, bukan sahaja dalam MPSP, malah komuniti serta membabitkan sektor korporat juga. Dan, saya cuba mendapatkan kepercayaan mereka, MPSP dan juga komuniti.

Selepas saya dilantik menjadi YDP MPSP, saya beritahu kepada pasukan kerja saya untuk 'bising' Seberang Perai termasuk pada hari cuti, maka bermulalah Program Pagi Tanpa Kereta, zumba, Festival Pinggiran Butterworth, Kayuhan Hijau Tiga Negeri meliputi



MAIMUNAH Mohd. Sharif bergambar kenangan di hadapan pintu masuk pusat pentadbiran MBPP selepas melakukan imbasan akhir cap jari tepat jam 5 petang 18 Januari lalu. (Gambar oleh ALISSALA THIAN).

Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Maksudnya, membawa keluar komuniti dari rumah masing-masing, sekaligus akan mengurangkan aktiviti vandalisme di kawasan-kawasan awam.

BM: Bagaimana pula rekod pencapaian dengan MBPP, Dato?

Maimunah: Apabila saya ke MBPP, sebenarnya saya juga cuba melaksanakan perkara yang sama, maka dilancarkan Fokus MBPP 2018, supaya tumpuan kerja berpasukan ini boleh ke arah tersebut.

Setelah datang ke sini (MBPP), saya menghadapi pelbagai cabaran, (antaranya) banjir pada 15 September (2017), 21 Oktober insiden kemalangan di tapak (Lembah Permai), 4 dan 5 November sekali lagi banjir...dan sekarang saya akan dilantik ke UN (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu).

Jadi, di antara semua cabaran itu, kita cuba gariskan secara jelas atas kertas, apakah yang patut kita (MBPP) laksanakan dalam tahun 2018 ini (iaitu Fokus MBPP 2018).

Mungkin salah satu pencapaian adalah kita berjaya melaksanakan pelbagai program komuniti, projek pembangunan dan sebagainya, walaupun ada kekangan kewangan yang begitu ketat di MBPP dulu.

Contoh projek pembangunan yang begitu ketara dilaksanakan, antaranya pembinaan pasar baru, naik taraf pusat jaya dan tandas awam sedia ada, projek pengindahan ruang terbuka (*public places*), bulatan (*roundabout*) dan amalan

Public, Private, People Partnership atau 4Ps ini adalah contoh kerja berpasukan yang saya maksudkan tadi.

Banyak peluang yang diteroka, padang yang kita turun, melalui 4Ps ini, begitu banyak projek CSR (tanggungjawab sosial korporat) dilaksana.

BM: Semua kini tahu akan status Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Boleh Dato' kongsikan cerita belakang tabir mengenai 'pasukan kerja' Dato' dalam mengasaskan penubuhan GTWHI sebelum ini?

Maimunah: Apabila Y.A.B. Ketua Menteri meminta saya menubuhkan GTWHI, saya mengaku memang tidak ada pengalaman menuku syarikat korporat, tapi daripada situlah saya belajar membuat MOA atau *Memorandum Of Articles* dan AOA (*Article of Association*), untuk tubuh syarikat.

Apabila Y.A.B. Ketua Menteri minta saya jadi 'bidan terjun', saya ambil kepercayaan yang diberikan itu sebagai cabaran untuk diri. Saya belajar untuk berfikiran positif dan jangan berhenti belajar. GTWHI berjaya ditubuhkan lebih awal daripada tempoh yang diberikan.

BM: Dato' dikenali sebagai seorang yang gigih bekerja tidak kira pagi, petang, siang, ataupun malam. Emel aduan yang saya buat jam 3 pagi pun, pernah Dato' balas serta-merta. Boleh Dato' kongsikan rahsia kecergasan Dato'.

Maimunah: Tidak ada apa-apa rahsia. Apabila kita melihat satu-satu cabaran itu sebagai masalah, sebenarnya ia boleh menjadi penyakit dalam fikiran kita. Sebab itu, kena berfikiran positif. Dan saya senantiasa menganggap apa sahaja tugas yang diberikan kepada saya kerana mahu saya lebih belajar.

Apabila pemikiran positif, kita akan akan berfikir bagaimana nak meningkatkan kecerdasan badan, menjaga pemakanan, mengelak risiko sakit. Kerana, kita berfikir secara positif bagaimana untuk melaksanakan satu-satu tanggungjawab.

Ini mungkin ramai tidak tahu. Saya pun kakitangan di MPSP beritahu, kali terakhir saya mengambil cuti sakit adalah 14 tahun lalu, itu pun cuti sebab bersalin anak saya yang kedua. Apabila kita berfikir secara positif, memang kita akan ada tenaga untuk bekerja dengan lebih baik.

Di samping itu, perlu juga saya sebut bahawa saya bertuah kerana ada suami serta anak-anak yang senantiasa positif dengan apa juar cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh saya. Apabila saya mendapat tawaran ke Nairobi, Kenya, suami dan anak saya sendiri kata, (pelantikan PBB) ini adalah peluang untuk saya, selepas lama menjaga makan minum anak sampai remaja.

Coretan Buletin Mutiara:
Tahniah dan terima kasih. Kami amat berbangga dengan Dato'. Semoga semuanya berjalan lancar dan pastinya Dato' akan dirindui.

Mengapakah wanita harus mengundi?

Oleh DINESKUMAR RAGU

MENJELANG Pilihanraya Umum ke-14 yang akan diadakan pada tahun ini, seluruh negara akan berbicara berkaitannya. Pada musim pilihanraya ini, artikel-artikel akhbar, iklan-iklan di radio dan televisyen akan membawa mesej yang menyeru rakyat Malaysia untuk keluar mengundi. Walaupun strategi sebegini diamalkan sejak sekian lama, akan tetapi ianya masih tidak terbukti berkesan dalam menyeru semua lapisan pengundi untuk keluar menunaikan tanggungjawab mereka, terutamanya pengundi wanita. Iklan-iklan yang menyeru pengundi wanita untuk keluar mengundi amatlah sedikit dan masa sudah pun tiba untuk kita mensasarkan lebi banyak pengundi wanita untuk keluar mengundi.

Banyak kepentingan yang boleh dinikmati oleh kaum wanita sekiranya mereka keluar mengundi. Tetapi sebelum kita membincangkan kepentingan mengundi untuk kaum wanita, kita perlulah membincangkan mentaliti pengundi terlebih dahulu, terutamanya faktor-faktor yang mendorong mereka untuk mengundi parti-parti politik tertentu. Terdapat beberapa faktor yang boleh dibincangkan dalam topik ini. Faktor pertama ialah ideologi parti politik. Pengundi cenderung untuk mengundi parti politik yang mewakili dan memperjuangkan ideologi-ideologi sosial dan politik yang dipegang dan disokong oleh pengundi. Contohnya, golongan konservatif di Barat akan mengundi parti politik konservatif yang memperjuangkan nilai kekeluargaan

tradisional (traditional family values), kadar percukaian yang rendah, sistem imigresen yang ketat dan dasar fiskal yang konservatif (fiscally conservative). Untuk memberikan contoh yang lebih khusus, jika seseorang pengundi yang konservatif berpandangan bahawa sistem imigresen negaranya perlulah diketakatkan untuk menghalang kemasukan imigran-imigran, dia akan menyokong parti-parti konservatif yang mempunyai pengalaman merangka dasar-dasar imigresen yang mengurangkan kadar kemasukan imigran. Pengundi tersebut tidak boleh diharapkan untuk mengundi parti-parti liberal atau progresif yang pro-imigresen.

Faktor kedua yang mendorong pengundi untuk mengundi parti politik tertentu ialah sumbangan parti politik dalam sejarah negara. Pengundi cenderung untuk mengundi parti politik yang telah banyak menyumbang kepada negara. Contohnya, majoriti rakyat Singapura masih mengundi Parti Tindakan Rakyat (PAP) yang telah memerintah negara republik sejak tahun 1959 lagi kerana parti tersebut telah sumbangan dalam mengasaskan negara tersebut. Di United Kingdom pula, sebilangan besar warga British masih menyokong Parti Buruh (Labour Party UK) kerana sumbangan parti tersebut dalam memperjuangkan hak golongan pekerja di negara tersebut dan memperkenalkan sistem kesihatan universal mereka iaitu National Health Service (NHS) yang kini berusia 70 tahun.

Untuk memahami trend mengundi pengundi wanita, kita perlu menerima fakta bahawa



PERHIMPUNAN "Wanita Bantah Politik Toksik" di Padang Kota baru-baru ini.

faktor umur, kaum dan kelas sosial mempengaruhi trend pengundian mereka. Contohnya, pengundi wanita yang muda yang sedang melanjutkan pelajaran cenderung mengundi parti politik yang memperjuangkan isu pendidikan percuma ataupun kadar yuran yang rendah. Pengundi wanita yang dari kelas rendah dan menengah cenderung mengundi parti politik yang memperjuangkan isu kenaikan gaji minimum, sistem kesihatan universal yang tidak membebankan rakyat dari segi kewangan dan lain-lain dasar yang menguntungkan mereka. Pengundi wanita yang berusia akan menyokong parti yang menjanjikan sistem pembayaran pence untuk kekal dan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik untuk warga emas.

Adalah amat penting bagi wanita untuk mengundi, dan banyak alasan yang boleh diberikan untuk menyokong kenyataan di atas. Pertama, sumbangan undi mereka akan membawa banyak perubahan dalam kehidupan mereka. Sekiranya

wanita yang bekerja keluar mengundi untuk parti yang betul, mereka boleh menikmati kadar pembayaran gaji yang sama rata dengan pekerja lelaki, perlindungan untuk pekerja wanita di tempat kerja (contohnya undang-undang untuk membanteras gangguan seksual di tempat kerja), mengekalkan kesatuan sekerja yang menjadi suara untuk mereka di tempat kerja ataupun kenaikan kadar gaji minimum. Untuk wanita yang tidak bekerja yang merupakan golongan suri rumah dan ibu, mengundi untuk parti yang betul bermakna mereka dapat menikmati kos sara hidup yang berkurangan dengan pemansuhan cukai yang membebankan rakyat, sistem kesihatan untuk kanak-kanak yang efektif dan skim-skim kebajikan untuk kaum suri rumah dan ibu daripada kerajaan negeri ataupun persekutuan.

Kedua, wanita yang keluar mengundi memastikan suara mereka didengari oleh parti-parti politik. Parti-parti politik cenderung meminggirkkan mana-

mana kumpulan pengundi yang tidak cenderung menyokong mereka ataupun yang tidak keluar mengundi. Parti-parti politik ini tidak akan melaksanakan dasar-dasar sosioekonomi yang menguntungkan kumpulan pengundi tersebut dengan berpandangan bahawa kumpulan ini tidak mengambil serius akan kepentingan hak mengundi mereka. Kaum wanita tidak boleh terperangkap dalam situasi sebegini kerana keengganannya untuk keluar mengundi bermakna mereka akan kehilangan suara mereka dalam menyeru kerajaan sedia ada untuk menjaga kepentingan dan kebajikan mereka. Oleh itu, kaum wanita perlulah mengundi untuk memastikan suara mereka tidak dipinggirkan oleh kerajaan. Malahan pula, sekiranya kadar mengundi wanita meningkat pada setiap pilihanraya, parti-parti politik akan ter dorong untuk merangka manifesto-manifesto pro-wanita.

Kesimpulannya, kaum wanita perlulah sedar akan kepentingan undi mereka dan tidak membairkan peluang mengundi mereka. Adalah menjadi lumrah persekitaran politik untuk menimbulkan suasana tidak menyenangkan untuk masyarakat sesebuah negara, termasuk kaum wanita tetapi ianya tidak bermakna yang mereka boleh mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai pengundi. Kaum wanita masih boleh mengubah negara ke arah yang lebih baik dan setiap peluang mengundi yang tidak disia-sia akan membantu mereka merealisasikan visi mereka untuk negara yang tercinta.

Kaji selidik PWDC: 94% lelaki berkongsi tanggungjawab kerja rumah

ADAKAH penentuan siapa yang harus keluar bekerja untuk mencari pendapatan dan siapa yang harus tinggal di rumah untuk memasak, membersihkan, dan membesarakan anak-anak masih wujud?


Masyarakat sekarang mempunyai pendapat yang berbeza terhadap idea lama tentang sumbangan tenaga dalam rumah tangga. Tanggungjawab boleh dikongsi. Perkongsian tanggungjawab di rumah menyumbang ke arah pembinaan keluarga yang sihat, seimbang dan bahagia.

Baru-baru ini, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menjalankan satu soal selidik berkenaan dengan perkongsian tanggungjawab di rumah dalam kalangan peserta yang menghadiri program-program PWDC. Seramai 209 orang awam telah mengambil bahagian sebagai responden dalam soal selidik ini.

Kajian awal mendapati bahawa 94% lelaki yang mengambil bahagian menyatakan bahawa semua ahli keluarga, termasuk mereka sendiri terlibat dalam membuat kerja rumah. Manakala hanya 84% daripada responden wanita menyatakan bahawa kesemua ahli keluarga membantu membuat kerja rumah. Kumpulan responden lelaki dan wanita ini memberi pandangan yang berbeza dalam definisi mereka berkenaan dengan perkongsian kerja rumah.

Keseluruhannya, 86% responden bersetuju bahawa semua ahli keluarga terlibat dalam kerja rumah.

Merujuk laporan analisis pihak PWDC, daripada jumlah seramai 180 orang awam yang bersetuju bahawa mereka terlibat bersama-sama dalam perkongsian kerja rumah,



66.7% menyatakan mereka menyumbang tenaga sama rata manakala, 18% menyatakan bahawa mereka adalah penyumbang utama dan 16% menyatakan bahawa pasangan mereka adalah penyumbang utama. Contoh jenis-jenis tanggungjawab kerja rumah termasuklah menguruskan anak-anak dan menguruskan rumah seperti membasuh, mengemas dan memasak. Hasil soal selidik ini memberi petunjuk bahawa kaum lelaki menyedari kepentingan berkongsi tanggungjawab bersama-sama pasangan di rumah.

Soal selidik itu juga mendapat maklum balas orang awam tentang sebab utama wanita tidak dapat keluar bekerja.

Berdasarkan maklum balas, 3 faktor yang utama adalah ketidakmampuan membayar kos perkhidmatan penjagaan kanak-kanak, ketiadaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan gaji yang ditawarkan rendah.

Hasil soal selidik oleh pihak PWDC adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik akademik yang menyatakan bahawa peningkatan kos dalam penjagaan kanak-kanak adalah faktor yang menyebabkan wanita tidak dapat keluar bekerja. Hal ini kerana jumlah gaji tidak sepadan dengan kos membayar upah penjagaan.

Adalah penting bagi kita untuk bersetuju bahawa pembahagian tanggungjawab terhadap kerja rumah dalam sesebuah rumah, terutamanya dalam hal penjagaan ahli keluarga, tidak hanya dilihat sebagai tanggungjawab wanita tetapi ia adalah tanggungjawab bersama dalam kalangan semua ahli keluarga. Langkah pertama untuk membolehkan lebih ramai wanita dapat keluar bekerja adalah dengan meringankan beban kerja rumah mereka.

Lebih banyak usaha perlu diambil untuk meningkatkan penyertaan wanita Pulau Pinang dalam tenaga buruh. Antara langkah-langkah yang boleh diambil ialah, menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak atau keluarga yang lebih berkualiti dan berkemampuan, menghapuskan dasar peruntukan jawatan berdasarkan jantina, dan memperkenalkan polisi mesra keluarga.

Untuk maklumat lanjut berkenaan artikel ini, sila hubungi PWDC, TG6 & TG7, Level 47, KOMTAR, 10503 Penang, Tel: +(604) 261 2835 / 261 5261, Fax: +(604) 261 2839.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesem semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 10384 : ISMARIZA BINTI ISMAIL - 84013007**** NO. 53 LENGKOK SEMBILANG, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 10385 : MOHD HARIZAL BIN RIDZUAN - 86041235**** AQ-G-5 TAMAN TUN SARDON, GELUGOR, 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10386 : MOHD NUR IKHSAN BIN MOHD NASIR - 84100707**** NO. 169 PERSIARAN VENICE MANJUNG 2, DESA MANJUNG RAYA 32200 LUMUT, PERAK	No Akaun Peminjam	: 10387 : NORLAILA BINTI MOHAMED RAZALI - 87031035**** 531 MK 19, MENGKUANG DAM 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: ISMAIL BIN SHARIF - 53122107**** 53 LENGKOK SEMBILANG, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI	Penjamin 1	: KHATIJAH BINTI NOORDIN - 61042507**** AQ-G-5 TAMAN TUN SARDON, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABD RAHMAN BIN HASSAN - 65020907**** NO. 328 LORONG GEMILANG 12, TAMAN GEMILANG, LUNAS 09600 KEDAH	Penjamin 1	: MOHAMED RAZALI BIN MOHAMED SHAH - (MENINGGAL DUNIA) 531 MUKIM 19, MENGKUANG DAM 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: OTHMAN BIN SHARIF - 56102907**** 1531 PONGSUS SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: ROHANI BINTI NORDIN - 65012207**** AQ-1-6 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZURYATI BTE ISHAK - 66102907**** NO. 328 LORONG GEMILANG 12, TAMAN GEMILANG, LUNAS 09600 KEDAH	Penjamin 2	: SHUKOR BIN MAT NOH - 64043007**** NO. 531 MUKIM 19, MENGKUANG SUNGAI LEMBU 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 10392 : OOI BOON PYNG - 85103107**** 1907 LORONG MERBAU INDAH 10, TAMAN MERBAU INDAH, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 10394 : MUNA BINTI ABD PATAH - 82101107**** 1191 MUKIM 8, JALAN PAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10397 : LIM FANG KHONG - 81111007**** 2103 PERMATANG TOK MAHAT 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam	: 10403 : DIAUDDIN BIN MOHAMED ALI - 85122307**** 399-4-4 TAMAN DATO SYED ABBAS, JELUTONG 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: OOI BOON CHUAN - 82032307**** 1907 LORONG MERBAU INDAH 10, TAMAN MERBAU INDAH, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: FADZILAH BINTI IBRAHIM - 63091207**** 1071 MK 20, KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: LIM JIT TENG - 56101808**** 2103 PERMATANG TOK MAHAT 14300 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 1	: MOHAMED ALI BIN NAGOOR MEERAH - 55081007**** 2A-26-03 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2	: YEOH AH KAM - 58031471**** 1907 LORONG MERBAU INDAH 10, TAMAN MERBAU INDAH, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: MOHD TAUFIQ BIN AHMAD DESA - 82070307**** 216 LORONG KENANGA 3A, TAMAN DESA IMPIAN 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: MUSTAFA BIN HARUN - 68020108**** NO. 478 SUNGAI KOTA, BAGAN TIANG, TANJUNG PIANDANG 34250 PERAK	Penjamin 2	: CHINNASAMY A/L RAMASAMY - (MENINGGAL DUNIA) III B-1-9 TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10405 : HUAH GIAN TEONG - 84062607**** NO.21 LORONG BELIBIS 5, TAMAN TANGLING 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 10409 : KUGENESWARA A/P MUNIANDY - 86121935**** M-4-14 PANGSAPURI UDA, TANJUNG TOKONG 10470 GEROGE TOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10416 : NOOR AFIZA BINTI MUSTAFAR - 83070908**** NO. 30 LORONG BENTARA 5, BANDAR BARU BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 10423 : TAN CHEN KHUAN - 83110307**** 2 LORONG AMPANG JAJAR 6, TAMAN AMPANG JAJAR 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1	: LIM KAH HOON - 63071608**** NO.598 POKOK ASSAM 34000 TAIPING, PERAK	Penjamin 1	: MUNIANDY A/L R SOCKALINGAM - 59121307**** M-4-14 PANGSAPURI UDA , TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUSTAFAR BIN HASHIM - 57122105**** NO. 30 LORONG BENTARA 5, BANDAR BARU BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: TAN ONG LEE - 55102707**** 763 JALAN TUN HUSSEIN ONN, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI
Penjamin 2	: HUAH KHENG LEE - 82061207**** 1075 JALAN 2, KAMPUNG VALDOR 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	Penjamin 2	: UTHAYANAYAKEE A/P ADIAPPEN - 67111707**** M-4-14 PANGSAPURI UDA , TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ROKIAH BINTI TALIB - 58051508**** 4 LORONG SERI INDAH 1, TAMAN SERI INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: TAN CHEE WEI - 77123107**** 763 JALAN TUN HUSSEIN ONN, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI
No Akaun Peminjam	: 10430 : ASMAR HAKIM BIN HALIM - 86031835**** NO 20, JALAN BM 6/12B, BANDAR BUKIT MAHKOTA 43000 KAJANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 10434 : MOHAMMAD IZZAT BIN IZMAN - 86072935**** 18A-3-10 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BUKIT GEDUNG, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10435 : CHUAH BOON YEW - 68011707**** M-0-2 TAMAN FREE SCHOOL 10460 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10441 : MUHAMAT TARMIZI BIN MUSTAFFA - 86021807**** 1251 MK 16, BERANGAN 9, MACANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: MOHD SUHAINE BIN MOHD NOOR - 60122810**** NO. 533 JALAN SEMARAK 1, TAMAN SEMARAK, SUNGAI PASIR 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: IZMAN BIN ISMAIL - 62081907**** BLOK 18A-3-10 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BUKIT GEDUNG, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	Penjamin 1	: CHUAH BEE THENG - 67010707**** 39 JALAN NAKHODA, TAMAN RATNA, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: MUSA BIN MUSTAFEA - 82092807**** NO. 386 JALAN BESTARI 13, TAMAN BESTARI, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 2	: MANSOR BIN AB HAMID - (MENINGGAL DUNIA) 16 TAMAN BUNGA MAWAR, JALAN BUKIT AWI 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: JARIAH BINTI SIDEK - 62032007**** BLOK 18A-3-10 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BUKIT GEDUNG, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	Penjamin 2	: LAU WAI MUN - 77111507**** NO.18 TINGKAT JELUTONG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NOR MASHITA BINTI HELMI - 76042602**** 1250-A BERANGAN 9, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 10443 : MUHAMMAD SHAKIR BIN SYED SULTAN - 85102207**** H-G-20 LORONG HELANG SATU, SUNGAI DUA 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10450 : TAN ZHI SHIN - 85092307**** 90-19-19 KOTA EMAS, LORONG SEREMBAN 10150 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10460 : AMBIGAI BHAGAN A/L ARUNAGIRI - 87101007**** NO.55-S SOLOK YORK 10450 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10461 : RAFIDAH BINTI ARIS - 79071709**** NO. 23 LORONG 40, TAMAN PUTERI GUNUNG 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 1	: SYED SULTAN BIN HASSAN MOHAMMAD - 47011907**** H-G-20 LORONG HELANG SATU 11700 SUNGAI DUA, PULAU PINANG	Penjamin 1	: TAN KIM ENG - 63030607**** 29-5-8 JALAN SAMAK 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SAKUNTHALA A/P THARMALENGAM - 62030907**** NO. 55-S SOLOK YORK 10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: AEZABIN BIN YUSUF - (MENINGGAL DUNIA) 11 TAMAN AMAL, BATU 5 JALAN LANGGAR 05460 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 2	: IZLINA SHAHNOOM BINTI MOHD IMAM - 84011507**** PLOT 4, JALAN KAMPUNG BENGGALI 13020 SUNGAI PUYU, BUTTERWORTH	Penjamin 2	: HOO CHIN YOKE - 56050307**** 90-19-19 KOTA EMAS, LORONG SEREMBAN 10150 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NAGARAJAN A/L THARMALENGAM - 70070507**** 22-4-20 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ARIS BIN YUSUF - R/F63*** NO. 23 LORONG 40 , TAMAN PUTERI GUNUNG 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
No Akaun Peminjam	: 10446 : TAN BOON WAH - 85120307**** NO. 58 SOLOK RAWANA 10460 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10452 : TAN BENG KHENG - 53101307**** NO. 58 SOLOK RAWANA 10460 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10463 : NOOR SYUHAIDA BINTI SHOLIHIN - 84112807**** BLOK B-4-5 TAMAN BUKIT JAMBUL, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10441 : MOHAMMAD SHAMSURINAIM BIN AHMAD 87122502**** 3-09-A TAMAN AIR TAWAR INDAH, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: TAN SOON KHENG - 55072307**** NO. 58 SOLOK RAWANA 10460 PULAU PINANG	Penjamin 1	: LILIS SHEREENA BINTI SAFIEE - 81010610**** NO. 1 JALAN TERATAI , TAMAN SERI TELOK DATOK 42700 BANTING, SELANGOR	Penjamin 1	: SHOLIHIN BIN ALI - 55121402**** B-4-5 TAMAN BUKIT JAMBUL 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABU BAKAR BIN DIN - (MENINGGAL DUNIA) BLOK A-09-3 TAMAN AIR TAWAR INDAH, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: TAN SOON KHENG - 55072307**** NO. 58 SOLOK RAWANA 10460 PULAU PINANG	Penjamin 2	: HAFIZ RIZAL BIN ZAINON - 74081608**** E-27A LORONG SERI TERUNTUM 136, DARAT MAKBAR, KUANTAN 25100 PAHANG	Penjamin 2	: ABDUL RAHMAN BIN MAKTHUN - 76080307**** 18A-3-8 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHAMED KERAN DANIE BIN AHMAD - 780307**** 3-09-A JALAN PADANG BENGGALI, TAMAN AIR TAWAR INDAH 13050 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 10481 : LIM YEE CHERN - 86072535**** NO. 20 JALAN INANG 21/9, SEKSYEN 9, BANDAR MAHKOTA CHERAS 43200 CHERAS	No Akaun Peminjam	: 10483 : KOAY CHIN LAM - 86010107**** 1062-17-04 GREEN GARDEN, JALAN PAYA TERUBONG 11600 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10491 : SUMAN RAJ A/L GANASAN - 84040307**** NO. 500 LORONG SELASIH 1A/5, TAMAN SELASIH, KULIM 09000 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 10500 : RAFIQAH BINTI JAMIL - 81010314**** NO.5010 MK 8, SIMPANG EMPAT, PERMATANG BULOH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: CHOO AI LIAN - 59080107**** 57 LEBUH SERI GENTING 1, TAMAN SERI GENTING, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	Penjamin 1	: KOAY EE PENG - 81071807**** 27-12A-01 LENGKOK NIPAH 2, TAMAN JUBILEE, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: PANJARATNAM A/P TANIMALAI - 63052606**** NO. 307 JALAN MEWAH 7, TAMAN MEWAH 3, 09600 LUNAS, KEDAH	Penjamin 1	: REEDZUAN BIN ABDUL RAZAK - 79061403**** 65 JALAN TAMAN CEMERLANG 1/3A, TAMAN CEMERLANG 53200 KUALA LUMPUR
Penjamin 2	: CHOO AI BEE - 66100507**** 662 JALAN 3/1P, BANDAR SEREMBAN SELATAN, SUNGAI GADUT, SEREMBAN 74500 NEGERI SEMBILAN	Penjamin 2	: KOAY EE LING - 77122507**** 27-12A-01 LENGKOK NIPAH 2, TAMAN JUBILEE, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MANI MARAN A/L MUNISAMY - (MENINGGAL DUNIA) NO. 307 JALAN MEWAH 7, TAMAN MEWAH 3, 09600 LUNAS, KEDAH	Penjamin 2	: NASROLAZUAN BIN ABDUL WAHAB - 84031503**** NO. 27 JALAN TAMAN MELATI 5, TAMAN MELATI 53100 KUALA LUMPUR
No Akaun Peminjam	: 10505 : KRISHNARAJ A/L RETHINAVELOO - 83101607**** 7-12-B-4 UNION HEIGHTS CONDO, JALAN AWAN DANDAN, TAMAN YARL 58200 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 10507 : K RANJINI A/P KALIDASS - 78112702**** NO.1 LORONG PALA SATU, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 10509 : MUHAMMAD SHAHRIZAL BIN ABDULLAH (YADEV KUMAR A/L BATHAMANATHAN) - 85060307**** LOT 29868 TADIKA DIYANA, LORONG DATO SULAIMAN 1, TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 10513 : MD JAUHARUL HAQAIQ BIN HARUN - 86040535**** NO.12 PINTASAN SUNGAI ARA 4, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1	: RETHINAVELOO A/L CHINNAH - 49120607**** NO.8 TINGKAT MUHIBBAH 4, TAMAN B, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: SANTHA KUMARI A/P NP RAJENDRAN - 62062408**** NO. 175 JALAN 2/2, TAMAN WIRA, SUNGAI PETANI, 08000 KEDAH	Penjamin 1	: VASU A/L VENGADASON - 63051707**** NO. 65 LORONG SEJAHTERA 2, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: HARUN BIN ABU BAKAR - 57022411**** NO.12 PINTASAN SUNGAI ARA 4, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: TEH POEY LEE - 67040510**** 36 TINGKAT DAMAI 1, TAMAN PERMATA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: KALIDASS A/L PAPPADURAI - 51090707**** NO. 1 LORONG PALA 1, TAMAN USAHA, PERMATANG TINGGI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: NYANAMBAL A/P MARIMUTHU - 56070707**** 29 LORONG ALMA JAYA 20, TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: OMAR BAKI BIN ABD GHANI - 54052202**** NO. 34 KAMPUNG BADLISHAH, 09800 SERDANG, KEDAH
No Akaun Peminjam							

TAMAN JERNIH

Bukit Mertajam, Pulau Pinang

Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera



Rumah Berkembar Dua Tingkat

- Jenis A (4 Unit)

Anggaran Keluasan Bangunan: 25 x 60 (3,080 k.p.)

Anggaran Keluasan Lot : 31.5 x 102 (3,213 k.p.) ke atas

Harga Minima : RM928,000.00

Harga Maksima : RM1,284,000.00

Rumah Berkembar Dua Tingkat

- Jenis B (8 Unit)


Anggaran Keluasan Bangunan: 21 x 60 (2,650 k.p.)

Anggaran Keluasan Lot : 27.6 x 101 (2,787 k.p.) ke atas

Harga Minima : RM829,000.00

Harga Maksima : RM937,000.00

GPS LOCATION : N 5° 20' 35" E 100° 28' 54"



Pemaju

Adat Mabsuri Sdn. Bhd. (986730-M)

No 22 (Tingkat Satu) & 23 (Tingkat Satu)

Sunway Wellesley @ Precint 1,

Jalan Muthu Palaniappan, 14000 Bukit Mertajam, Penang.

Pejabat Jualan:

Lot.1598 , Seksyen 3

Jalan Muthu Palaniappan

14000 Bandar Bukit Mertajam, Penang.

Tel:+604 538 0036 Faks:+604 537 7036

• No.Iesen pemaju:14154-1/11-2018/02681(L) Tempoh sah:05/11/2017-04/11/2018

• No. Permit iklan dan jualan:14154-1/11-2018/02681(P) Tempoh sah:05/11/2017-04/11/2018

• Pihak berkuasa yang meluluskan : Majlis Perbandaran Seberang Perai

• No. Pelan Bangunan: MPSP /40/20-45/104

• Pegangan Tanah : Hak milik bebas

• Bebanan Tanah: Digadai kepada Alliance Bank Malaysia Berhad

• Tarikh dijangka siap:April 2018

• Rumah berkembar dua tingkat: 4 Unit (Jenis A)-Harga Jualan:RM928,000(min) - RM1,284,000 (mak)

• Rumah berkembar dua tingkat: 8 Unit (Jenis B) -Harga Jualan:RM829,000(min) - RM937,000(mak)

TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>



Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 10534 INTAN ISMIDA BINTI ISMAIL - 86032935**** NO.1568 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 10548 SURESH A/L SINNAPAYAH - 85112008**** NO.1-02 RUMAH PANGSA, JALAN CHANDA SHERIFF 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam	: 10552 CHAN YUK CHOON - 81082407**** NO.104 TAMAN SRI KULIM 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 10558 NORHAYATI BINTI ZAINO ABIDIN - 83092609**** A-1-12 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1	: FARIDAH BTE MUSTAPA - 60021807**** 1568 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: SINNAPAYAH A/L KUPPAN - (MENINGGAL DUNIA) 1-02 RUMAH PANGSA JLN CHANDA SHERIFF, TAMAN SENTOSA 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: CHAN SHWU WEN - 77012702**** NO.104 TAMAN SRI KULIM, 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: NOORSALMIEDA AYU BINTI MOHD NOOR - 80031207**** A-1-12 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2	: CHE HAIZAN BINTI ALI - 58082703**** 577 MK 4, PERMATANG JANGGUS 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2	: CHINAKANNE A/P SAMY RENGAPPAN - 5711307**** 22 LORONG BISTARI 9, TAMAN BISTARI 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: TAN HOP YEE - 55011502**** NO.1448 JALAN 4, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: UBAIDULLAH BIN S M ABU BAKAR - 58042707**** BLOK 35B-3-2 QUARTERS PERGURUAN, JALAN MOUNT ERSKINE 10470 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10560 MELANIE CHRISTINA A/P GANAPRAGASAM - 84082607**** 2-9-2 LENGGOK NIPAH 3, TAMAN JUBLEE, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10563 SHAMALA DEVHI A/P BHASKARAN - 85022507**** NO.119 PERSIARAN JELAPANG 13, TAMAN SILIBIN, 31010 IPOH, PERAK	No Akaun Peminjam	: 10567 HAFIZAH BINTI HAJIMIA - 83012107**** NO.2 PERSIARAN BERTAM 2/2, PENANG GOLF RESORT 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 10569 NEELAVANAN A/L MATHIALAGAN - 84092607**** BLOK 5-10-2 DESA MAWAR, LINTANG KAMPUNG MELAYU 2, FARLIM 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1	: MUNISWARI A/P KESAVAN - 76120907**** 1-2-2 PEKA FLATS, JALAN PEKA 2, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: RAJAMANI A/P SUBRAMANIAM - 58011507**** 20 LORONG SEJAHTERA 13, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: SHARIFAH BIBI BINTI ABDUL MAJID - 53101308**** 2 PERSIARAN BERTAM 2/2, PENANG GOLF RESORT 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: MATHIALAGAN A/L N RAMASAMY - 54102202**** 715-6 JALAN SUNGAI NIBONG 11900 SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG
Penjamin 2	: RAVENDREN A/L JAYAPRKAS - 78122807**** 1-2-2 PEKA FLATS, JALAN PEKA 2, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: VANETHAMONI A/P BHASKARAN - 80092907**** 75 JALAN ALMA JAYA, TAMAN BUDIMAN 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: OMAR BIN BAKAR - 53030707**** NO.253 PANTAI KAMLON, 13200 KEPALA BATAS, SPU,	Penjamin 2	: VICNESWARI A/P SELVADURAI - 84021807**** 115-5-12, RUMAH PANGSA JALAN KEDAH 10050 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10580 SHARIFAH SHAHZNAZ BT SYED BAHRUDDIN - 80073007**** 17-2-2 LEBUH MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10584 IZYANI BINTI ZARAEI - 86050235**** A-15-07 FLORA DAMANSARA, JLN PJU 8/9, BDR. DAMANSARA PERDANA 47820 PETALING JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: ANAS AHMAD BIN IBNU HAJAR - 87100807**** 8-5-5 LINTANG KAMPUNG RAWA 1, JALAN PATANI 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10588 IRYANTI BINTI MOHAMAD DESA - 87051507**** 225 JALAN SHAIK EUSSOFF, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1	: SYED BAHRUDDIN BIN SYED HASHIM - 53122008**** 17-2-2 LEBUH MAHSURI, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ZARAEI BIN MOHD NORDIN - R/F 97*** A2 T-10, U-05 PANGSAPURI PUTERA HARMONI, JALAN P9B, PRESINT 9, 62250 PUTRAJAYA	Penjamin 1	: IBNU HAJAR BIN ARLAH PITCHAY - 59112007**** 8-5-5 LINTANG KAMPUNG RAWA 1, JALAN PATANI 10150 PULAU PINANG	Penjamin 1	: 225 JALAN SHAIK EUSSOFF, 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2	: SULAIMAN BIN MOHAMED - 56051908**** 94 PERSIARAN MAYANG PASIR 4, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: AMINAH BINTI MOHD DAN - 52052408**** UNIT UPAS, PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA 59100 LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: LEMAN OMAR BIN MOHAMED YUSOP - 78022208**** 711-2-13 FLAT TAMAN EMAS, 11920 PULAU PINANG,	Penjamin 2	: ZULKIFLEE BIN HASSAN - 70081407**** NO. 225 JALAN SHAIK EUSSOFF 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 10589 MUHAMAD HELMI BIN MOHD ZAINUDDIN - 87010235**** NO.11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS	No Akaun Peminjam	: NURADILIA BINTI OMAR - 85041107**** NO.1256-E JALAN PAYA TERUBONG, AYER ITAM 11060 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: NORSHASIDMAN BIN ABU HASSAN - 76110407**** 1256-E JALAN PAYA TERUBONG 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 10588 IRYANTI BINTI MOHAMAD DESA - 87051507**** 225 JALAN SHAIK EUSSOFF, AYER ITAM 11400 PULAU PINANG
Penjamin 1	: ZANITA BINTI MOHAMAD ZAINUDDIN - 71052307**** 11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: NURSHAM BINTI OMAR - 80111507**** 7-10-16 TAMAN SERI BAYU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: NORSHASIDMAN BIN ABU HASSAN - 76110407**** 1256-E JALAN PAYA TERUBONG 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: 225 JALAN SHAIK EUSSOFF, 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2	: HAIRUL HARIRI BIN MOHAMAD ZAINUDDIN - 79072407**** 11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: NORSHASIDMAN BIN ABU HASSAN - 76110407**** 1256-E JALAN PAYA TERUBONG 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: NORSHASIDMAN BIN ABU HASSAN - 76110407**** 1256-E JALAN PAYA TERUBONG 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: 225 JALAN SHAIK EUSSOFF, 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG

Jabil kembangkan ‘sayap’, penyewa tunggal terbesar GBS@Mayang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN

- Pulau Pinang terus menjadi destinasi pelaburan interaktif dan pembangunan ekonomi yang dinamik meskipun keadaan ekonomi dan harga pasaran dunia tidak menentu kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, ia terbukti apabila Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) berkembang sebanyak 5.6 peratus berbanding prestasi kebangsaan cuma 4.2 peratus pada tahun 2016, dan bagi tahun 2017, GDP Pulau Pinang dijangka melebihi 6 peratus.

“Malah Pulau Pinang merupakan hab utama kedua terbesar di Malaysia selepas Kuala Lumpur bagi *Global Establishments for Services* dengan nilai pelaburan mencecah RM4.1 bilion.

“Baru-baru ini juga MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) mengumumkan Pulau Pinang menduduki tempat kedua bagi jumlah pelaburan yang diluluskan sembilan bulan pertama tahun 2017 dengan nilai RM9.9 bilion.

“(Dan) ia dilaksanakan melalui tarikan pelaburan asing langsung (FDI) terbesar di Malaysia dengan rekod mencecah RM8 bilion untuk sembilan bulan pertama tahun lalu, serta bagi suku ketiga tahun lalu kita (Pulau Pinang) telah mencatatkan RM4.3 bilion pelaburan dalam sektor pembuatan melebihi jumlah direkodkan pada keseluruhan tahun 2016,” ucapnya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Sewaan



ROSLI Jaafar (empat dari kiri) bertukar-tukar dokumen dengan **Frank Mckay** (enam dari kiri) sambil disaksikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Menandatangani Perjanjian Sewaan GBC Jabil Sdn. Bhd. dengan PDC di sini baru-baru ini.

Putus Perniagaan Global (GBC) Jabil Sdn. Bhd. (Jabil) dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Komtar 11 Januari lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Penasihat Khas (Ekonomi) kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon; Pengurus Besar PDC, Dato' Rosli Jaafar dan Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian.

Mengulas perjanjian sewaan tersebut, Guan Eng memberitahu bahawa Jabil merupakan penyewa tunggal terbesar di Pusat Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) di Mayang Mall atau GBS@ Mayang.

“Para 7 April tahun lalu, saya menyempurnakan pembukaan GBS@ Mayang bagi memenuhi permintaan global serta ke arah menjadi negeri yang progresif dan mesra perniagaan

setara dengan standard MSC Malaysia Cybercentre.

“Kami (Kerajaan Negeri) sangat teruja apabila Jabil mengembangkan sayapnya di sini bagi pengoperasian Jabil GBC merangkumi perkhidmatan holistik daripada Proses Automasi Robotik (RPA), teknologi Internet Benda (IoT), *Intelligent Digital Supply Chain* sehingga analisis data besar (BDA).

“Pembukaan Jabil GBC ini juga bakal menawarkan 1,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dalam tempoh dua hingga tiga akan datang,” jelasnya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Perolehan dan Penjualan Jabil, Frank Mckay berkata, Pulau Pinang dianggap sebagai salah satu hab utama Jabil.

“Jabil kekal yakin dengan prospek perkembangan pelaburan dan ekonomi di Pulau Pinang dan teruja mengambil peluang mengembangkan ‘sayap’ kami (Jabil) di GBS@Mayang.,” ujarnya.

MAB rakan kongsi strategik PCEB, promosi Pulau Pinang destinasi acara perniagaan serantau

GEORGE TOWN - Biro Persidangan dan Pameran Pulau Pinang (PCEB) hari ini memeterai perjanjian perkongsian strategik dengan Malaysia Airlines Berhad (MAB) bagi mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi acara perniagaan serantau.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri yang menyaksikan Ketua Pegawai Eksekutif PCEB, G. Ashwin memeterai perjanjian bersama-sama Pengarah Pemasaran MAB, Yeoh Hock Thye.

“Dengan menjadikan MAB sebagai rakan kongsi strategik, Pulau Pinang boleh menyediakan nilai tambah perkhidmatan kepada pengajur acara perniagaan, terutama mengenai kadar tambah istimewa untuk menempah tiket penerbangan.

“Untuk acara tertentu, PCEB boleh saling berbincang dengan MAB untuk tempahan pesawat, (dan kerjasama strategik ini) sangat baik untuk Pulau Pinang, untuk kita saling bekerjasama,” katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesienan, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada majlis pemeteraian perjanjian persefahaman antara dua pihak berkaitan di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Ashwin memberitahu, dengan rakan kongsi strategik MAB bakal membolehkan PCEB sendiri melihat prospek pembangunan perniagaan baru serantau, seperti di India, China, Eropah dan Australia.

Difahamkan, acara perniagaan menyumbang RM808 juta dalam sektor ekonomi Pulau Pinang pada tahun 2016 dan meningkat lebih RM1 bilion pada tahun lalu.



• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin.... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN





Tahniah kepada pejabat-pejabat yang telah disahkan sebagai Pejabat Hijau Pulau Pinang 2017



1. Exact Asia Development Centre Sdn. Bhd.
2. The Light Hotel (M) Sdn Bhd
3. Cycle Trend Industries Sdn Bhd
4. NRS Process Systems Sdn Bhd
5. Kalyx Management & Consulting Sdn Bhd
6. Dell Global Business Center Sdn. Bhd.
(Bayan Lepas)
7. Dell Global Business Center Sdn. Bhd.
(Bukit Minyak)
8. Intel Technology Sdn. Bhd. (Kulim)
9. TORAY Malaysia Systems Solution Sdn Bhd
10. Alam Aliran Kualiti (M) Sdn Bhd
11. Kean Beng Lee Industries (M) S/b
12. Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang
13. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang
Sdn. Bhd. (Bukit Mertajam)
14. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang
Sdn. Bhd. (Taman Selat)
15. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang
Sdn. Bhd. (Sungai Dua)
16. Bahagian Kesihatan Persekitaran (MBPP)
17. Jabatan Kawalan Bangunan (MBPP)
18. Pejabat Kutipan Hasil (MBPP)
19. Unit Audit Dalam (MBPP)
20. Jabatan Perancangan Pembangunan (MBPP)
21. Jabatan Konservasi Warisan (MBPP)
22. Unit Undang-undang (MBPP)
23. Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (MBPP)
24. Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (MBPP)
25. Jabatan Khidmat Pengurusan (MBPP)
26. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang
(Bahagian Teknologi Maklumat Dan
Komunikasi Negeri)
27. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang
(Seksyen Kewangan)
28. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang
(Unit Audit Dalam)
29. Special Coral Sdn. Bhd.
30. OSRAM Opto Semiconductors (M) Sdn Bhd
31. Flextronics Technology (Penang)
Sdn Bhd (Plant 1 Campus)
32. Intel Technology Sdn. Bhd. (Penang)
33. Cradotex (M) Sdn. Bhd.
34. Cypress Semiconductor (M) Sdn Bhd
35. WD Media (Malaysia) Sdn (PN2)
36. WD Media (Malaysia) Sdn. (PN1)
37. Berjaya Penang Hotel
38. Sony EMCS (Malaysia) Sdn. Bhd.
39. Seberang Perai Municipal Council
40. Flextronics Technology (Penang)
Sdn Bhd (Plant 2 Campus)
41. Furutec Electrical Sdn Bhd
42. Jinko Solar Technology Sdn Bhd
43. Shan Poornam Metals Sdn Bhd
44. DHL Supply Chain (Malaysia) Sdn Bhd
45. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang
(Bahagian Perancang Ekonomi Negeri)
46. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
Dewan Bandaraya (MBPP)
47. Jabatan Kejuruteraan (MBPP)
48. Bahagian Pelesenan, Jabatan Kesihatan
Persekitaran & Pelesenan (MBPP)



City Walk 1.1.18 meriah!



SUASANA pada hari penganjuran.

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : LAW SUUN TING

GEORGE TOWN – Usaha berterusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam memperkembangkan aktiviti sukan dan riadah yang membawa manfaat kepada warga negeri mendapat sambutan menggalakkan apabila hampir 5,100 peserta termasuk 82 golongan orang kurang upaya (OKU) memeriahkan acara tahunan City Walk 1.1.18 baru-baru ini.

Program tahun keempat penganjurannya itu dilihat antara inisiatif tepat bagi meningkatkan tahap kesihatan seluruh rakyat Pulau Pinang dan peserta program.

Dalam ucaptamanya, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut menyeri masyarakat Pulau Pinang agar mengamalkan amalan gaya hidup sihat.

“Tiada alasan mengapa kita semua tidak boleh mengamalkan gaya hidup sihat dengan menjadikan



KETUA MENTERI dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan acara pelancaran City Walk 1.1.18 di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

senaman secara rutin.

“Malah, saya sendiri telah menerima sahutan untuk mencabar diri sendiri agar lebih cergas dengan berjalan sebanyak 12,500 langkah setiap hari sejak bulan lepas (Disember 2017).

“Walaupun pada mulanya sasaran ini agak mencabar, tetapi saya bangga akhirnya dapat mencapai matlamat 12,500 langkah setiap hari, kecuali empat hari...,” ujarnya dalam nada seloroh sambil disahut gelak tawa para peserta program.

Selain Guan Eng dan isteri, Betty Chew Gek Cheng, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon; Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan

Lalulintas dan Tebatan Banjir); Dato’ Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Dato’ Maimunah Mohd. Sharif (mantan Datuk Bandar MBPP) turut menyertai ribuan peserta berjalan kaki beramai-ramai berkaitan.

Pada penganjuran berkenaan, para peserta yang terdiri daripada pelbagai golongan umur dan bangsa dibawa menulusuri perjalanan sejauh lima kilometer melawati kawasan-kawasan unik dan menarik sekitar bandar George Town.

Selain larian komuniti, turut diadakan beberapa acara menarik seperti nyanyian dan *busking*, cabutan bertuah, permainan tradisional dan lain-lain.



KANAK-KANAK berbilang bangsa tidak melepaskan peluang mencuba permainan tradisional congkak yang disediakan pihak penganjur.



GELAGAT sebahagian peserta yang sempat dirakam lensa Buletin Mutiara.



PELBAGAI aksi menarik para peserta yang mengambil bahagian di dalam acara-acara sampingan yang diadakan.

Tampil kelainan, City Ride 2018 tarik 1,500 peserta

PULAU BETONG – Santai dan menarik merupakan pengalaman dilalui 1,500 peserta program kayuhan santai City Ride 2018 pada penganjuran keempat di sini baru-baru ini.

Berkayuh melalui kawasan kampung, bukit-bukau, sawah padi sejauh 30 kilometer (km) cukup menyeronokkan peserta yang majoritinya teruja dengan pemandangan asli luar bandar di Balik Pulau.

Mantan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Maimunah Mohd. Sharif berkata, acara sedemikian kebiasaannya dianjurkan di kawasan George Town.

“Pada pendapat saya, walaupun ia dinamakan City Ride dan Balik Pulau merupakan kawasan luar bandar, namun harus diingatkan bahawa status bandar raya adalah meliputi seluruh pulau..jadi sesuialah kita adakan (City Ride) di sini.

“MBPP juga akan mempertimbangkan sama ada tahun hadapan ia akan dianjurkan di Balik Pulau atau bertukar ke George Town semula,” katanya sebelum melepaskan para peserta di Kompleks Sukan Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha MBPP (kini Datuk Bandar), Ar. Yew Tung Seang, Ahli-ahli Majlis MBPP dan Datuk Bandar bagi Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Datuk Yeo Boon Hai.

DBKK yang menerima undangan khas, turut menghantar 10 wakilnya menyertai kayuhan santai tersebut.

Menurut Maimunah, dalam menggalakkan acara berbasikal di negeri ini, Kerajaan Negeri melalui MBPP dengan kerjasama pihak swasta telah membelanjakan kira-kira RM30 juta bagi menyediakan laluan basikal.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran City Ride 2018 di sini baru-baru ini.

Bahagian 2.

PPSN tekad teruskan aktiviti kemasyarakatan, tingkat taraf hidup penduduk pantai selatan Pulau Pinang

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : PPSN

MENAWARKAN suasana yang selesa dan lengkap dengan kemudahan wifi, Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) membolehkan penduduk setempat mengadakan sesi perbincangan dan pertemuan dengan masyarakat tempatan dalam persekitaran yang lebih kondusif.

Dua pusat PPSN yang kini masing-masingnya beroperasi di Permatang Damar Laut dan Gertak Sanggul adalah hasil kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan SRS Consortium iaitu rakan pelaksana untuk Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR).

Sebagai sebuah pusat sehenti atau ‘one-stop centre’ untuk penduduk tempatan, PPSN merupakan pusat informasi untuk Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR) yang bukan sahaja memberi maklum balas, malah turut menyediakan perkhidmatan untuk masyarakat di sini membuat pendaftaran dan permohonan pekerjaan dengan tujuan menambah pendapatan untuk taraf kehidupan yang lebih baik kelak.

Dalam usaha memberi maklumat terkini kepada para nelayan dan penduduk terhadap projek tersebut, Pegawai Maklumat PPSN juga menganjurkan sesi-sesi perbincangan dan dialog bagi berkongsi maklumat terkini dan manfaat projek kepada golongan berkaitan. Malah, PPSN turut menjalankan kerjasama erat dengan penduduk setempat untuk menganjurkan aktiviti serta program-program komuniti.

Tingkat taraf hidup penduduk

PPSN secara umumnya berupaya menyelami masalah dan mengenal dengan lebih erat masyarakat setempat



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika merasmikan PPSN di Permatang Damar Laut pada 27 Mei 2016.

melalui program-program yang dijalankan secara penglibatan awam dari semasa ke semasa.

Sebagai contoh, menerusi Program Jejak Ramadan yang diadakan tahun lalu, 10 keluarga dikenal pasti, yang terdiri daripada ibu tunggal dan keluarga yang hidup dalam keadaan serba kekurangan. Mereka telah menerima sumbangan bantuan berbentuk barang makanan serta keperluan harian.

Dalam pada itu, matlamat PPSN juga

adalah untuk berganding bahu dengan Kerajaan Negeri untuk mendengar pendapat penduduk setempat termasuk komuniti nelayan bagi memahami keadaan kehidupan dan cabaran yang dihadapi mereka.

Dengan pemahaman itu, sekaligus PPSN dapat menjalankan program yang bermanfaat kepada masyarakat setempat, khususnya aktiviti rekreasi, kemasyarakatan dan pemeliharaan alam sekitar bagi merealisasikan taraf

kehidupan yang lebih baik kepada penduduk selatan pantai Pulau Pinang dalam masa akan datang.

Program pembangunan masyarakat

Tahun 2017 merupakan tahun yang sibuk buat PPSN, pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi bersama-sama penduduk tempatan serta nelayan telah diadakan antaranya, kejohanan catur, pertandingan mewarna sempena sambutan Hari Malaysia dan kejohanan bola keranjang



SEBAHAGIAN umum yang mengambil bahagian pada Sesi Dialog Awam PSR.



WAKIL PPSN mengunjungi Rumah Charis, Relau pada November 2017 bagi menyampaikan sumbangan bantuan bencana banjir.

remaja.

Malah, sambutan perayaan Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas turut diadakan.

Ketika negeri dilanda bencana ribut dan banjir luar biasa pada 4 dan 5 November tahun lalu, PPSN menggembung tenaga turun padang menjalankan program bantuan bencana dan kecemasan untuk mengedarkan barang-barangan keperluan seperti tilam, bantal dan tikar getah, makanan, ubat-ubatan serta pakaian kepada keluarga-keluarga terjejas.

Bagi tahun ini, PPSN bertekad akan meneruskan pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, kitar semula dan pembersihan pantai untuk menggalakkan suasana hidup yang harmoni di selatan pantai Pulau Pinang.



SESI Dialog Awam PSR pada Disember 2016.

(Dari muka 14.)

Sektor perindustrian Pulau Pinang menguntungkan rakyat terbanyak masih berdaya saing,

SEKTOR industri dan perkilangan di Pulau Pinang sebenarnya masih berkembang sihat serta tentunya menguntungkan rakyat terbanyak, sungguhpun ekonomi negara secara umum kian mencabar pada tahun 2018.

RM9.91 bilion pelaburan terkumpul ke Pulau Pinang dalam tempoh bulan Januari hingga September tahun lalu (Q3 2017) merupakan di kedudukan kedua paling tinggi di belakang Sarawak yang berjumlah RM10.52 bilion.

Memetik laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), RM8.03 bilion pelaburan asing langsung (FDI) ke Pulau Pinang merupakan di kedudukan tertinggi, lebih tinggi berbanding FDI ke Sarawak.

Menurut Pengurus Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) Negeri Pulau Pinang, **DATUK OOI ENG HOCK**, perkara perkembangan terbaru itu tentulah akan menyumbang pada perkembangan industri-industri sokongan sedia ada di Pulau Pinang.

“Syarikat multinasional yang datang melabur di Pulau Pinang bukan semua mereka hasilkan, akan ada komponen tertentu dihasilkan oleh kilang-kilang sedia ada serta memerlukan perkhidmatan utiliti dan sebagainya daripada industri sokongan yang sedia ada di Pulau Pinang.

“Maka, ada kesan berantai ataupun pengganda ekonomi lain pada kilang-kilang tempatan yang sedia ada, apabila pelabur tempatan atau asing datang melabur di Pulau Pinang,” jelasnya dalam satu wawancara eksklusif bersama-sama wartawan akhbar Buletin

Mutiara (BM), ZAINULFAQAR YAACOB di Kompleks FMM Pulau Pinang dekat Seberang Jaya baru-baru ini.

Negeri Industri

Secara pensejarahan, kata Eng Hock, reka bentuk ekonomi Pulau Pinang sejak era 1970-an lagi, memang untuk dijadikan sebagai negeri perindustrian.

Sebab itu, tambahnya, diwujudkan Zon Perindustrian Perai, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas dan kini, Zon Perindustrian Batu Kawan.

“Pelabur datang ke Pulau Pinang kerana negeri ini ada rantaian bekalan mencukupi, tenaga mahir berkualiti dan Kerajaan Negeri hari ini sendiri sebenarnya dilihat begitu mesra pelabur dan rakyat.”

“Kalau betullah ekonomi di Pulau Pinang pun tidak berkembang sihat, seperti didakwa oleh beberapa pihak tertentu, takkanlah begitu ramai warganegara dari luar Pulau Pinang serta buruh asing berhijrah untuk bekerja di negeri ini,” jelasnya.

Lanjutnya itu, Eng Hock mempertikai kenyataan pihak tertentu kononnya 15,000 pekerja bakal berdepan risiko dibuang kerja.

Baginya ekonomi tanah air, khususnya Pulau Pinang masih berkembang sihat.

“Saya lihat ekonomi Pulau Pinang masih berkembang sihat dan di peringkat nasional, saya rasa ada keraguan meluas bahawa terdapat 15,000 pekerja berdepan risiko dibuang kerja.

“Senada dengan Datuk Seri

Mustapha Mohamed (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri), ada pasti sumber angka yang begitu besar pekerja akan dibuang kerja.

“Seperti di Pulau Pinang, tenaga buruh yang ramai masih diperlukan segera kerana negeri ini memang direka bentuk sebagai negeri perindustrian dan perusahaan

“Kerana itu, rakyat di luar Pulau Pinang pun ramai berhijrah dan bekerja dalam sektor perkilangan dan perindustrian di negeri ini.

“Apabila dikatakan ada 450,000 penganggur iaitu 4 peratus daripada jumlah buruh di negara ini, memang saya ada begitu keraguan meluas.

“Seperti Pulau Pinang, memang terus memerlukan pekerja, termasuk buruh asing.

“Mungkin angka 450,000 penganggur ini adalah mereka yang pernah mendaftar untuk menaikkan levi (buruh asing) daripada RM1,500 (setahun) kepada RM2,500 kerana ada begitu banyak beban berantai yang lain.

“Siapa yang akan paling teruk menderita, tentulah pemodal industri dan selepas itu barulah buruh... akhirnya kedua-dua belah pihak bersetuju levi adalah RM1,850.

“Kita tahu bahawa kenaan levi ini memang untuk memastikan industri negara kembali diisi oleh warganegara dan bukan buruh asing, tetapi perlu dilihat daripada aspek sejarah perindustrian negara jua.

“Memang kita mesti menempuh Revolusi Perindustrian 4.0, automasi, tetapi apabila kenaan levi atas buruh asing ditingkatkan,



OOI Eng Hock.

sekaligus akan membebankan majikan serta penggerak industri sendiri.

“Seperti beberapa tahun lalu, beberapa sektor perindustrian seperti sektor pembuatan menghadapi cabaran besar, kerana ia bukan automasi 100 peratus dan masih bergantung pada tenaga buruh.

“Dua tahun lalu, FMM memang ada berbincang dengan kerajaan apabila ada cadangan untuk menaikkan levi (buruh asing) daripada RM1,500 (setahun) kepada RM2,500 kerana ada begitu banyak beban berantai yang lain.

“Jadi ini adalah angka peningkatan dan tidak diragui lagi. “Sebagai rakan kongsi dan pelabur di negeri ini, saya sendiri berkata bahawa kita juga tahu peri penting rakyat mesti ada pendapatan yang setimpal.

“Sebab itulah buruh sendiri harus mengubah sikap mereka untuk meningkatkan produktiviti diperlukan dunia.

“Sistem pendidikan bukan sahaja mengajar pelajar untuk masuk universiti, tapi juga menjadi tenaga buruh mahir, seperti sekolah vokasional Jerman buat.

“Harapan saya satu sahaja, Pulau Pinang terus menjadi destinasi pelaburan utama negara, pasti menguntungkan pengilang dan tenaga buruh,” ujarnya.

Golongan OKU miliki disiplin, keyakinan diri dan semangat kesukanan tinggi - Maimunah

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Seramai 10 individu orang kurang upaya (OKU) bakal mewakili zon utara ke Kejohanan Lions Malaysia Catur Antarabangsa OKU Kali Pertama di Kuala Lumpur nanti.

Mantan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mantan Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, kejohanan kali pertama diadakan tersebut adalah bertujuan mewujudkan kesedaran kepada orang awam tentang sifat-sifat positif yang dimiliki golongan OKU.

"Antaranya, mereka (OKU) mempunyai disiplin dan keyakinan diri yang tinggi, memiliki semangat kesukanan serta berdaya saing."

"(Dan) bagi pihak MBPP, pengajuran kejohanan catur ini adalah sejarah dengan komitmen MBPP ke arah menyediakan perkhidmatan terbaik kepada semua dengan sentiasa mengambil kira penglibatan OKU dalam segala aktiviti yang diadakan."

"Malah, dalam acara *City Walk 2018* baru-baru ini, seramai 84 OKU turut mengambil bahagian dan MBPP juga menyediakan jurubahasa isyarat bagi memudahkan pergerakan OKU sepanjang acara tersebut," ucapnya pada Majlis Penutupan Kejohanan Lions Malaysia Catur Antarabangsa Orang Kurang Upaya Kali Pertama - Pusingan Awal Zon Utara di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Presiden Persatuan Catur OKU Malaysia, Datuk Mah Hassan Omar.

Menurut Maimunah, selain menggalakkan penglibatan

OKU dalam pelbagai aktiviti anjuran MBPP, pihaknya juga turut menyediakan pelbagai kemudahan khusus untuk golongan istimewa itu.

"MBPP menyediakan tempat letak kereta khas OKU, taman-taman permainan mudah akses, laluan 'access ramp', tandas khas serta turut menggalakkan mana-mana sektor korporat untuk mengadakan program pembangunan dan pemerkasaan OKU dari masa ke masa."

"Jalinan perkongsian bijak serta kerjasama strategik antara kerajaan dan sektor korporat ini juga melalui 4P iaitu '*private, public, people partnerships*' adalah selaras dengan slogan dilungkapkan 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama,' ujarnya yang turut memuji Kelab Lions Kuala Lumpur Central, Kelab Lions George Town, Kelab Lions Zon Utara, Persatuan Catur OKU Malaysia dan Persatuan Tongkat Putih Pulau Pinang kerana menganjurkan kejohanan yang julung kali diadakan itu."

Difahamkan 10 peserta daripada 62 OKU yang mengambil bahagian akan mewakili zon utara untuk ke peringkat seterusnya.

Mereka ialah Muhammad Farhan Norhayalim, Cheah Kean Wee, Mohammad Huzaifah Ahmad, Hor See Wah, Razman Tan Abdullah, Muhamim Khairun dan Norain



MAIMUNAH Mohd. Sharif (kiri sekali) beramah-mesra dengan sebahagian pemenang Kejohanan Lions Malaysia Catur Antarabangsa Orang Kurang Upaya Kali Pertama - Pusingan Awal Zon Utara di sini baru-baru ini.

Fatihah Mohamed Yusoff.

Begitu juga Mahadzir Abdul Ghani yang mendapat tempat ketiga, Wan Mohd. Ali Wan Abu Bakar (kedua) dan Tan Yin Kuang (johan).

JIRAN RESIDENSI

KINI ANDA MAMPU

Kebahagiaan keluarga anda bermula di sini

Map showing the location of Jiran Residensi in Butterworth, Seberang Perai, with nearby landmarks like Econsave, Sunway Carnival Mall, and Hospital Seberang Jaya.

Suasana kediaman yang tenang pastinya akan menjanjikan suatu kehidupan yang sejahtera untuk anda sekeluarga.

Anda juga dapat menikmati gaya hidup yang selesa dengan prasarana moden di persekitaran Jiran Residensi.

Jangan lepaskan peluang untuk memiliki kediaman ini dan berjiranklah dalam komuniti yang bahagia ini.

- 0.2 km ke Sekolah Kebangsaan St. Mark
- 0.4 km ke Pasar Awam Sri Bandar
- 1.6 km ke Econsave Jalan New Ferry
- 2.4 km dari Terminal Feri dan Terminal Bas
- 2.5 km ke Bagan Specialist Centre
- 4.6 km ke Sunway Carnival Mall
- 4.6 km ke Kawasan Perindustrian Mak Mandin
- 5.1 km ke Hospital Seberang Jaya
- 5.9 km ke Kawasan Perindustrian Perai
- 8.6 km ke Jambatan Pulau Pinang

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi

04-505 0001
04-613 9999

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

Paras 1 Bangunan Tun Dr Lim Chong Eu,
No. 1 Pesisiran Mahsuri, Bandar Bayan Baru,
11909 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

04-6340 235 enquiry@pdc.gov.my

Harga Jualan Dari

RM72,500

Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang Nama Pihak Berkusa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Seberang Perai Nombor Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-24/38 Pakajan Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pakajan: 23/11/2115) Tarikh Dijangka Siap: Mac 2018 Bebanan: Tiada Jumlah Unit: 707 unit Harga Jualan: RM72,500 (Min) – RM250,000 (Maks) Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindah milik, dicagar, dipajak, pajakan kecil atau apa juga urus niaga tanpa kebenaran Pihak Berkusa Negeri. Huria ciri-ciri di dalam ini adalah cadangan sahaja serta semua ilustrasi dan gambar adalah gambaran artis sahaja dan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh pihak pemaju atau sebagaimana yang dinasihatkan oleh pakar-pakar perunding atau diperlukan oleh pihak berkusa. Sila rujuk kepada Surat Perjanjian Jual Beli bagi unit sebenar untuk mendapatkan spesifikasi dan penerangan yang telah diluluskan oleh pihak berkusa dan unit sebenar akan dibina dengan sewajarnya.

No. Lesen Pemaju Perumahan: 8924-6/11-2019/0964(L) Tempoh Sah: 18/11/2017-17/11/2019 No. Permit Iklan & Jualan: 8924-6/11-2019/0964(P) Tempoh Sah: 18/11/2017-17/11/2019



www.pmm.gov.my

Selesa pengguna, pondok bas dinaik taraf dengan reka bentuk terkini

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : AHLI MAJLIS

BERWAJAH BAHARU... Kira-kira RM20,000 dibelanjakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi menaik taraf pondok hentian bas berhadapan Kompleks Bukit Jambul.

Ahli Majlis bagi MBPP, A. Kumaresan berkata, permintaan untuk menaik taraf pondok hentian bas tersebut disuarakan beliau sendiri menerusi Mesyuarat Infra Majlis demi keselesaan pengguna di kawasan tersebut.

"Lazimnya, stesen (bas) ini menerima jumlah pengguna ramai ekoran ia adalah salah satu laluan utama bas-bas awam yang menghubungkan kawasan sekitar seperti Bayan Baru dan Bayan Lepas.

"Ia dahulunya ditaja oleh pihak penaja yang direka bentuk menggunakan zink sahaja... tetapi kini MBPP mengaplikasikan reka bentuk terkini dan lebih memberikan keselesaan kepada pengguna," ujarnya sambil menyatakan bahawa kerja-kerja menaik taraf adalah membabitkan tempoh tiga bulan.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBPP, Gan Ay Ling dan wakil daripada Pejabat Timbalan Ketua Menteri I.



A. Kumaresan (tiga dari kanan) sambil ditemani Gan Ay Ling (dua dari kanan) merakamkan gambar di pondok hentian bas yang telah siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.

TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI 2.0
每日无免费塑胶袋 2.0
mulai 01 Mac 2017 自2017年3月1日起

Pasaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.

Bahagian Pelesenan MBPP,
Dewan Bandaraya, Jalan Padang
Kota Lama, 10200 Georgetown,
Pulau Pinang.
槟岛市政厅执照部门

Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran
Seberang Perai, Jalan PERDA Utama,
Bandar PERDA, 14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.
威省市政局一站式柜台

Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

收取的20仙将被收入槟州福利基金，通过公平经济议程 (Agenda Ekonomi Saksama , AES) 计划来作为全旗的除贫基金。

Sebarang Pertanyaan / 任何询问:
Bahagian Pelesenan, MBPP / 槟岛市政厅执照部: 04 - 263 8818
Bahagian Pelesenan, MPSP / 威省市政局执照部: 04 - 549 7414

Kampung Shaikh Madar perintis projek LA21, libat penduduk setempat

AIR ITAM - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memilih Kampung Shaikh Madar sebagai perintis projek di bawah Local Agenda 21 (Local Action 21, LA21) dalam usaha mengenal pasti 'hala tuju' setempat.

Mantan Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, pemilihan Kampung Shaikh Madar bukan sahaja untuk mengenal pasti 'hala tuju', malah juga memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk mengesas permasalahan setempat melibatkan pembangunan sosial, alam sekitar dan sosio-ekonomi.

"Tiada yang lebih mahir tentang-isu dan penyelesaian di kawasan setempat kecuali penduduk tempatan, namun, masih ramai yang kurang jelas bahawa pembangunan lestari bukan hanya sekadar terangkum dalam agenda alam sekitar, ia merangkumi kesejahteraan komuniti dan pertumbuhan ekonomi menyeluruh menurut falsafah kelestarian.

"(Dan) falsafah atau Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, SDGs*) yang diusahakan oleh MBPP ini, mempunyai 17 matlamat yang perlu dicapai menjelang 2030...dan apa jua yang kita lakukan pada masa ini, tidak akan memudaratkan keupayaan kehidupan anak cucu kita pada masa hadapan.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung ungu) terlibat sama di dalam perbincangan Bengkel Penglibatan Penduduk Visioning Kampung Shaikh Madar Bawah LA21 di sini baru-baru ini.

"Oleh itu, diharapkan semua pihak akan terus berusaha bersungguh-sungguh dalam memastikan usaha LA21 ini berjaya dan menjadi satu model untuk dicontohi," ucapnya pada Majlis Perasmian Bengkel Penglibatan Penduduk/Visioning Kampung Shaikh Madar Bawah LA21 di sini 6 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai, Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Ar. Yew Tung Seang; Ahli-ahli Majlis bagi MBPP dan Ketua-ketua jabatan MBPP.

Kira-kira 100 penduduk mengambil bahagian dalam usaha mentransformasi Kampung Shaikh Madar sebagai sebuah kawasan penempatan yang lebih kondisif dengan mengambil kira pandangan dan penglibatan penduduk tempatan melalui salah satu matlamat SDGs iaitu tiada sesiapa yang ditinggalkan.

Hasil dana TPM80PP, penduduk Villa Mas Ewani syukur dapat lif baharu

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

SUNGAI PINANG - Hasil keprihatinan, Kerajaan Negeri melalui skim Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Pulau Pinang (TPM80PP) membolehkan lif Villa Mas Ewani, Bukit Dumbar kini berfungsi seperti sedia kala setelah tiga bulan mengalami kerosakan.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, melalui skim TPM80PP, Kerajaan Negeri telah menyalurkan dana berjumlah RM155,000 bagi menampung kos penukaran lif baharu bernilai RM193,000.

"Pulau Pinang terus cemerlang menyalurkan dana TPM80PP kepada 96 projek rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah sejak skim ini diperkenalkan pada tahun 2013.

"Kita juga berasas baik kerana ada ADUN

(Ahli Dewan Undangan Negeri) yang baik bagi kawasan Sungai Pinang iaitu Lim Siew Khim yang turut sudi menderma sebanyak RM17,184 dalam menyiapkan projek pertukaran lif di sini," ujarnya ketika turun padang menyaksikan kerja-kerja penyiapan lif baharu tersebut di sini 9 Januari lalu.

Baki berjumlah RM20,816 dibayai sendiri oleh penduduk Villa Mas Ewani.

Hadir sama, Pengerusi Badan Pengurusan Villa Mas Ewani, Mas Nilai Masriah Abdullah.

Masriah ketika berucap menzahirkan rasa syukur kepada Kerajaan Negeri dan Siew Khim yang banyak membantu dalam menyelesaikan masalah penduduk itu.

"Azab penduduk yang perlu menaiki tangga sehingga ke tingkat 15 hanya Tuhan sahaja yang tahu," jelasnya.

Projek yang dimulakan pada awal Disember 2017 cuma menambil masa kira-kira sebulan untuk disiapkan.



JAGDEEP Singh Deo dan Lim Siew Khim (tiga dari kanan) memotong reben simbolik kepada perasmian lif baharu di Taman Villa Mas Ewani, Bukit Dumbar baru-baru ini.

TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI 2.0
每日无免费塑胶袋 2.0
mulai 01 Mac 2017 自2017年3月1日起

Pasaraya Hyper, Pasaraya Besar, Pasaraya Serbaneka, Kedai Serbaneka, Restoran Makanan Segera, Kedai Serbaneka Stesen Minyak, Kedai Rangkaian, Farmasi dan lain-lain.
霸级市场、超级市场、杂货市场、杂货店、快食店、油站杂货店、连锁店、药剂行等等。

Pendaftaran boleh dilakukan di:
可在以下地点登记:

Bahagian Pelesenan MBPP, Dewan Bandaraya, Jalan Padang Kota Lama, 10200 Georgetown, Pulau Pinang.
槟岛市政厅执照部门

Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jalan PERDA Utama, Bandar PERDA, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
威省市政局一站式柜台

Hasil kutipan RM0.20 sen akan disalurkan ke Tabung Akaun Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembasmian kemiskinan di seluruh negeri Pulau Pinang melalui Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

收取的20仙将被收入槟州福利基金，通过公平经济议程 (Agenda Ekonomi Saksama , AES) 计划来作为全槟的除贫基金。



JKKK Taman Lip Sin anjur Karnival Kesihatan & Keluarga demi komuniti setempat

PENJIMATAN... Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Lip Sin mengambil inisiatif menganjurkan Karnival Kesihatan Awam dan Keluarga buat penduduk setempat baru-baru ini di Padang Permainan Lorong Nipah 3 di sini.

Pengerusinya, Chan Soon Aun berkata, acara tambahan tersebut dapat dianjurkan ekoran penjimatan daripada peruntukan 2017 secara keseluruhan.

"Apabila berbelanja secara berhemah, setiap program yang dijalankan akan lebih bermakna malah

membolehkan kami mengadakan acara tambahan untuk dikongsi kembali bersama-sama masyarakat di situ," katanya ketika ditemui pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Terdapat lebih 10 gerai pameran membabitkan pemeriksaan kesihatan percuma, kemudahan belajar sambil bekerja, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), pemotongan rambut secara percuma, jualan barang, makanan dan minuman serta agensi mencari pekerjaan mengambil bahagian.



PENDUDUK setempat tidak melepaskan peluang mengambil bahagian dalam penganjuran Karnival Kesihatan Awam dan Keluarga oleh JKKK Taman Lip Sin di sini baru-baru ini.

4 projek penyelenggaraan bawah TPM80PP manfaat penduduk KADUN Air Itam

AIR ITAM - Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Pulau Pinang (TPM80PP) membelaanjakan RM400,764.80 bagi kerja-kerja penyelenggaraan di skim perumahan kos rendah dan sederhana rendah terpilih sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam bagi tempoh 2016 hingga 2017.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Wong Hon Wai ketika mengadakan lawatan ke Blok 137 Fairy Height, Jalan Rambutan baru-baru ini, melalui TPM80PP, Kerajaan Negeri memberikan bantuan dana sehingga 80 peratus dan bakinya dibiayai penduduk melalui badan pengurusan masing-masing.


"Di KADUN Air Itam, empat projek yang dibiayai melalui tabung ini adalah kerja-kerja naik taraf lif rosak di Blok 137, Fairy Height; penggantian satu unit lif di Blok M1 Desa Mawar; penggantian tangki air utama Taman Sri Timur

dan kerja-kerja pemasangan pam tangki air baharu Blok 137, Fairy Height.

"Bagi pemasangan pam tangki air baharu ini, sejumlah RM17,172 diperuntukan memandangkan pam lama tidak lagi mampu mengepam

air sehingga ke tingkat 4 atau 5.

"Justeru, apabila pasang baharu, tekanan lebih laju dan juga menjimatkan penggunaan elektrik," katanya yang berpuas hati dengan kerja-kerja pemasangan pam tersebut yang selesai pada 11 Disember lalu.



WONG Hon Wai (kanan sekali) bersama-sama wakil-wakil kontraktor ketika lawatan tapak meninjau keadaan pam tangki air Blok 137 Fairy Height di sini baru-baru ini.

Pelajar Taman Jelutong Jaya terima manfaat kemudahan kelas pendidikan percuma

SUNGAI PINANG - Atas inisiatif Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim, Dewan Komuniti Taman Jelutong Jaya kini berjaya ditransformasi sebagai Pusat Komuniti Remaja Sungai Pinang.

Siew Khim berkata, usaha tersebut dijayakan melalui kerjasama komuniti setempat yang ingin mengubah kawasan tersebut dari sebuah kawasan 'hitam' kepada kawasan yang mesra penduduk.

"Sekarang, di sini ada pelbagai kelas percuma seperti tuisyen, kelas alat muzik ukulele dan pendidikan seni."

"Setahun lebih dahulu kawasan ini kotor, gelap, busuk dan tiada siapa ingin datang malah menjadi kawasan penagih dadah."

"Tetapi sekarang kawasan ini menjadi mesra pengguna dengan pelbagai aktiviti dilaksanakan, membuktikan bahawa anasir-anasir negatif dapat dijauhkan apabila komuniti menggunakan sepenuhnya kawasan ini," ujarnya pada Majlis Pelancaran Pusat Komuniti Remaja dan Jamuan Makan Malam Krismas dekat Taman Jelutong Jaya, Lorong Perak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penghulu Kawasan Sungai Pinang, Khalid Zakaria dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jelutong Barat.

Difahamkan, sehingga kini, lebih 100 pelajar di kawasan Taman Jelutong Jaya menerima manfaat kemudahan percuma yang disediakan.

"Di sini, rata-ratanya adalah golongan berpendapatan rendah, jadi mereka juga sedar hanya pendidikan mampu mengubah masa depan mereka agar lebih baik."

"Selain di sini, beberapa kelas percuma turut disediakan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai, Pusat Khidmat DUN Sungai Pinang dan Mutiara Idaman 1," jelasnya.

MAMMO PENANG

PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

"Untuk wanita berumur 35 ke atas"

*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda



1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka ini bersamaan dengan 700,000 orang!

“TUTM bukti bantuan untuk petani, penternak dan nelayan Pulau Pinang”

Teks & Gambar

ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mencadangkan jumlah pinjaman mikro kredit Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) dinaikkan menjadi RM10,000 hingga RM15,000, berbanding RM5,000 sahaja kepada pemohon sebelum ini.

Beliau berkata demikian sebelum menyampaikan cek TUTM kali ketujuh kepada sembilan lagi penerima di Pejabat Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

"Tujuan penubuhan tabung ini adalah untuk memberi bantuan pinjaman maksimum RM5,000 kepada usahawan tani muda berumur 40 tahun ke bawah, dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan.

"Saya telah meminta pihak Dr. Afif mempertimbang, untuk menaikkan jumlah pinjaman TUTM ini daripada RM5,000 kepada RM10,000 atau RM15,000," katanya pada majlis berkaitan.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, sehingga kini seramai 84 orang menerima pinjaman TUTM.

"Kerajaan Negeri (Pakatan Harapan Pulau Pinang) telah menyalurkan RM430,000 kepada penerima TUTM dengan jumlah keseluruhan seramai 84 penerima, dan masih berbaki RM320,000 daripada jumlah keseluruhan peruntukan (iaitu) RM750,000," jelasnya.

Bercakap pada sidang media sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyatakan bahawa sebelum ini, peminjam kali pertama yang berjaya membayar balik RM5,000 kepada TUTM adalah layak dipertimbang untuk mendapat pinjaman lanjut maksimum RM10,000.

Katanya, **MOHD. FAKRUL AZIM YUSOF**, 20, merupakan satu-satunya penerima TUTM pada majlis penyampaian cek TUTM kali ketujuh tersebut yang diberi RM10,000 pinjaman lanjut kerana berjaya membayar balik RM5,000 pinjaman mikro kredit sebelum ini.

Mohd. Fakrul Azim yang ditemui kemudian merakamkan penghargaan kerana diberi peluang kali kedua untuk meminjam daripada TUTM.

"Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah serta terima kasih atas sokongan keluarga, dapat saya membayar balik jumlah RM5,000 modal yang saya pinjam sebelum

ini.

"Ini pinjaman kali kedua, apabila saya mendapat tahu permohonan pinjaman saya diluluskan dengan jumlah sekali ganda (iaitu RM10,000), ini memang boleh dijadikan modal untuk kerja buat saya.

"Bagi saya, skim pinjaman mikro kredit (TUTM) menunjukkan ada bantuan untuk petani, penternak dan nelayan di Pulau Pinang, bukannya kami menyumbang untuk bekalan makanan (*food security*), tapi tidak mendapat apa-apa manfaat daripada kerajaan," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan Jabatan Pertanian Negeri.

Dalam pada itu, menurut



MOHD. Fakrul Azim Yusof

miliknya.

"Saya memang akan membina bengkel, tapi masih di rumah dan baki pinjaman mikro kredit ini akan dibelanjakan untuk naik taraf mesin serta melebarkan jaringan pemasaran.

“Bersyukur sangat kepada Allah kerana dapat bantuan daripada Kerajaan Negeri, kerana, sebelum ini saya memang menghadapi masalah modal yang sedikit.

“Saya pun berharap perniagaan semakin bagus, saya boleh bayar balik pinjaman ini, dan boleh buat pinjaman yang lebih besar, seperti yang Kerajaan Negeri cakap, mungkin sampai RM15,000, untuk memajukan lagi perusahaan saya ini,” jelas beliau.



FUZIYAH Man bersama-sama produknya.